# PELITA BRUNEI
ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**"MAKA mengapa mereka (orang-orang kafir) itu tidak mengembara, di bumi (supaya dapat melihat kesan-kesan kebinasaan kaum-kaum yang ingkar itu) sehingga hati (akal) mereka dapat memikirkannya atau telinga mereka dapat mendengar (mengambil iktibar daripadanya)? Maka, sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta tetapi mata hati yang ada di dalam dada itulah yang buta". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 46.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 142 | 27 NOVEMBER 2023 / 1445 جمادي الأول 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# MUNAJAT MAMPU MEMBERI IMPAK POSITIF



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Forum Perdana Majlis Ilmu 2023. - Foto : Masri Osman.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BERAKAS,** Sabtu, 25 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.




**>> Muka 3**

# Langkah pencegahan terhadap beban sakit belakang

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**JERUDONG,** Ahad, 26 November. - Sejumlah 619 juta individu di seluruh dunia menghidap sakit pinggang pada tahun 2020, dengan jangkaan menunjukkan peningkatan kepada 843 juta dalam tiga dekad akan datang.

Pada tahun yang sama, sakit pinggang menyebabkan 69 juta tahun hidup dalam kurang upaya di seluruh dunia di mana ia bukan sekadar statistik malah ia mencerminkan individu yang mengalami kesan kesakitan yang melemahkan dan pergerakan terhad.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui dalam ucapannya semasa mengongsikan mengenai statistik membimbangkan tentang sakit pinggang melalui kajian yang dijalankan oleh Institut Metrik dan Penilaian Kesihatan di Universiti Washington, yang diterbitkan dalam The Lancet Rheumatology pada bulan Mei tahun ini.

**>> Muka 9**

# Malam Munajat ketengahkan gejala buli

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 26 November. - Acara Malam Munajat Kali Ke-113 diadakan baru-baru ini anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bersempena Program BEST.

Acara Malam Munajat kali ini diadakan secara maya dengan kehadiran tetamu khas, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

**>> Muka 5**

# Dynamik Bench dilancarkan, dukung inisiatif kelestarian alam sekitar

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 26 November. - Dynamik Technologies pagi tadi melancarkan Dynamik Bench, sebuah bangku pintar solar, di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

Hadir menyaksikan pembukaan rasmi Dynamik Bench ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

**>> Muka 7**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


# Berita Utama



NURATIKA Adilah juara Pertandingan Akhir Bintang Kecil 2023 Muka 8



PPPBD anjur Acara Penanaman Pokok Muka 12



KAPAL persiar Norwegian Jewel singgah ke NBD Muka 18



RENCANA

ANAK merupakan kurnia, anugerah terbesar daripada Allah Subhanahu Wata'ala Muka 21



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada Khamis, 9 Jamadilawal 1445 Hijrah / 23 November 2023 Masihi.**

# Terus dekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih berkat, rahmat-Nya

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddien, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**

**ALHAMDULILLAH**, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Ilmu yang penuh dengan keberkatan pada pagi yang berkebajikan ini.

Beta juga turut bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini Majlis Ilmu dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia.

Beta melihat Majlis Ilmu masih saja tetap relevan untuk diungkayahkan, kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Beta difahamkan, tema Majlis Ilmu tahun ini berbunyi 'Munajat Senegara Dengan Taubat'.

Tema ini sangat signifikan untuk terus dibincangkan berdasarkan ilmu itu adalah amat luas, tidak ada sempadan.

Memperkatakan tentang munajat dan taubat, bahawa munajat bererti doa dan berzikir, manakala taubat pula ialah memohon ampun kepada Allah dan menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak melakukannya lagi.

Sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan dosa, sehingga perlu untuk sentiasa bertaubat. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud : *"Setiap anak Adam pasti melakukan kesalahan (dosa) dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan (dosa) itu ialah orang-orang yang sentiasa bertaubat"*. - Hadis riwayat at-Tirmizi.

Maka adalah menjadi kewajipan bagi siapa yang melakukan kesalahan dan dosa, untuk segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa bertangguh, kerana peluang yang ada hari ini belum tentu ada pada hari esok.

Taubat tidak hanya semata-mata dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan, menyesali perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi, bahkan taubat juga mengandungi banyak faedah yang sukar dicapai oleh akal manusia. Antaranya, dengan taubat, dosa terhapus, bala bencana dan musibah terangkat serta azab tertolak.

Dengan taubat juga, pintu rezeki dibuka dengan luas, rahmat dan nikmat turun secara berterusan dan punca kejayaan dunia dan akhirat. Dengan taubat juga berupaya memberikan ketenangan dan kesihatan mental serta menjauhkan daripada perasaan dukacita. Semua ini adalah janji Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana termaktub di dalam Al-Quran.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, beta bersyukur kerana kita terus-menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa jua cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP Ugama.

Inilah amalan dan tradisi kita orang-orang Brunei yang diwarisi sejak dahulu lagi, iaitu berupa memperbanyakkan bacaan Al-Quran seperti membaca Surah Yaa Siin, berzikir, berselawat, berdoa, melaksanakan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Doa Qunut Nazilah, membaca Ratib Al-'Attas dan mengadakan Malam Munajat secara berterusan sehingga sekarang.

Pada hemat beta, semua ini adalah berunsur taubat kerana munajat itu sendiri adalah wasilah dan jalan menuju taubat.

Oleh itu, beta berseru supaya kita terus menerus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih berkat dan rahmat-Nya.

Beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebajikan ini. Amin.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidinaa Muhammad Wa 'Alaa Aalihi Wasahbihee Wasallam*, beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk : 'Majlis Ilmu : Mercu Tanda Intelektualisme Raja - Suluh Negara' dan seterusnya merasmikan Majlis Ilmu 2023 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | ISNIN | 13 | 4.39 | 4.49 | 6.12 | 6.35 | 12.09 | 3.30 | 6.04 | 7.17 |
| 28 | SELASA | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.18 |
| 29 | RABU | 15 | 4.40 | 4.50 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.18 |
| 30 | KHAMIS | 16 | 4.40 | 4.50 | 6.13 | 6.37 | 12.10 | 3.32 | 6.04 | 7.18 |
| 1 DISEMBER | JUMAAT | 17 | 4.41 | 4.51 | 6.13 | 6.37 | 12.10 | 3.32 | 6.05 | 7.19 |
| 2 | SABTU | 18 | 4.41 | 4.51 | 6.14 | 6.38 | 12.10 | 3.32 | 6.05 | 7.19 |
| 3 | AHAD | 19 | 4.41 | 4.51 | 6.14 | 6.38 | 12.11 | 3.33 | 6.05 | 7.20 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 24 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 32 24 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 30 24 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 27 NOVEMBER 2023

# Taubat raih keberkatan, hindari kemungkaran

**BERTAUBAT** itu tidak hanya dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan semata-mata. Ia merangkumi banyak hikmah yang sukar dicapai oleh pemikiran biasa.

Orang yang bertaubat adalah orang yang kembali dari sifat-sifat tercela menuju sifat-sifat terpuji, dari larangan Allah Subhanahu Wata'ala menuju perintah-Nya, daripada maksiat menuju taat, menjauhi segala yang dibenci Allah dan kembali menuju yang diredai-Nya, kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala setelah meninggalkan-Nya.

Taubat dapat ditakrifkan sebagai kesedaran jiwa yang akan mendorong hati untuk menyesal, kemudian bertekad meninggalkan perbuatan dosa, dan berupaya memperbaiki kesalahan pada masa lalu.

Ia juga dapat menyelamatkan diri manusia daripada kehancuran dan memperoleh ampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Manusia tidak pernah luput daripada kesalahan. Sebaik-baiknya orang yang berbuat salah adalah yang bertaubat.

Sepertimana Ceramah Khas yang disampaikan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa Perasmian Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini yang antara lain menjelaskan konsep ramai-ramai bertaubat adalah tuntutan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu (sekalian) kepada Allah…*".

Sekalian kita, tambah Yang Berhormat Mufti Kerajaan, jangan ada yang bertinggalan, tetapi semua. Tuntutan bagi kita di Brunei ialah senegara.

Senegara kita ramai-ramai bertaubat, bukan enggan bertaubat, atau patah hati untuk bertaubat kerana menganggap atau menyangka, Allah tidak akan mengampunkan lagi dosa yang telah dilakukan sejak berpuluh-puluh tahun lamanya, jangan anggap begitu…! Anggapan seperti ini tidak betul. Yang betulnya, berapa banyakpun dosa, dengan taubat, Allah sedia mengampunkan.

Antara hikmah yang istimewa bagi orang yang banyak bertaubat dengan sebenar-benar taubat ialah memperoleh kecintaan Allah Subhanahu Wata'ala; menjadi penolak azab Allah Subhanahu Wata'ala; menerima jaminan Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperoleh kebaikan daripada kejahatan dan menikmati kelancaran dan keluasan rezeki.

Begitu besarnya hikmah bertaubat yang dianjurkan oleh Islam kepada kita.

Dengan beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala, menunjukkan kita bersungguh-sungguh memohon keampunan daripada-Nya.

Oleh itu, jangan pandang rendah orang yang bertaubat, kerana Allah tidak memandang rendah orang bertaubat. Malah Allah menghormati orang bertaubat dan bahkan, Allah mengasihi orang bertaubat. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Munajat mampu memberi impak positif





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

MAJLIS ILMU 2023

**>> Muka 1**

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023, iaitu Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Acara Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Kemudian majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menjelaskan, forum akan membentangkan huraian maksud munajat dan taubat yang menjadi inti ungkapan kata tema Majlis Ilmu 2023 sebagai sebahagian daripada usaha kita sebagai rakyat yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala secara kolektif untuk memastikan Negara Brunei Darussalam yang sedia dengan sifatnya merupakan negara zikir berserta segenap isi di dalamnya akan sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang musibah penyakit dan bencana, serta beroleh berkat dalam semua usaha raja dan pemerintahannya, membangunkan negara dan kesejahteraan rakyat dengan selamat sempurna, mencapai kemajuan modenisasinya yang seimbang di dunia dan di akhirat.

Majlis diteruskan dengan Sesi Forum Khas yang disampaikan oleh empat ahli panel iaitu Mufti Wilayah Persekutuan, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Profesor Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Penolong Mufti (Ifta), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah; dan Pensyarah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof, selaku moderator.

**>> Muka 4**








**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyaksikan buku Majlis Ilmu (atas), manakala gambar bawah, Sesi Forum Khas yang disampaikan oleh empat ahli panel.**

**ANTARA yang hadir pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.**

PELITA BRUNEI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung bergambar ramai bersama dengan Ahli Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2023.

>> Muka 3

Tajuk Forum Khas iaitu 'Munajat Senegara dengan Bertaubat' antara lain menyentuh mengenai maksud munajat dan bagaimana munajat mampu memberi impak positif dalam kehidupan di dunia dan seterusnya membahaskan mengenai kedudukan seseorang yang bertaubat tetapi masih melakukan dosa.

Dalam Forum Khas tersebut turut menyentuh mengenai munajat yang boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti tilawah Al-Quran dengan Tadabbur, bersembahyang dengan khusyuk atau bacaan zikir atau mengadu kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bahasa masing-masing. Manakala taubat boleh menjadi penyuci kepada dosa seseorang.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Juga dikongsikan ialah mengenai amalan taubat jika diiringi dengan munajat yang dilakukan dengan ikhlas dan khusyuk, sudah tentu gabungan kedua-dua amalan ini lebih afdal dalam usaha kita mendapat keredaan, pertolongan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sebelum berangkat balik meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan dan bergambar ramai bersama dengan Ahli Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2023.








DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (atas), manakala gambar kanan, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah. Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan sekali, sebahagian yang hadir pada forum berkenaan.






SEMBAH alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie.





# YTM BERANGKAT MENYAKSIKAN KEJOHANAN BOLA KERANJANG

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jeffrey Wong Chee Peng

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman semalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Bola Keranjang Aewon PPE antara Sekolah-sekolah 2023 bagi Kategori Perempuan B-18 antara Pasukan ISB dengan Chung Hwa Middle School Bandar Seri Begawan (BSB), yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Batu Bersurat Gadong, di sini.

Anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berangkat menyertai Pasukan ISB.

Dalam perlawanan tersebut, ISB menang 48-16 ke atas Chung Hwa Middle School BSB. Manakala dalam perlawanan lain, STPRI kalah 28-38 kepada Chung Hua Kuala Belait (KB). Dengan dua kemenangan daripada dua perlawanan, ISB kini berada di tangga teratas manakala Pasukan Chung Hwa Middle School BSB berada di tempat kedua dengan satu kemenangan dan satu kekalahan.

Pasukan Chung Hua KB berada di tempat ketiga dengan juga satu kemenangan dan satu kalah. Pasukan STPRI tanpa kemenangan dalam dua perlawanan berada di tangga terbawah.

Pasukan ISB seterusnya akan menentang Pasukan STPRI pada malam Selasa 28 November.





**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Bola Keranjang Aewon PPE antara Sekolah-sekolah 2023 antara Pasukan ISB dengan Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan (atas), manakala gambar kiri, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berangkat menyertai Pasukan ISB.**

# Malam Munajat ketengahkan gejala buli

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**>> Muka 1**

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Malam Munajat diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh pelajar Tingkatan Enam Bawah, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong, Awang Reza Ramadhani bin Ismaya juga selaku johan Peringkat Akhir Hafazan Surah-surah Pilihan bagi Pusat-pusat Tingkatan Enam dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2023 dari Masjid Kampung Pulaie, Berakas.

Seterusnya bacaan Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Acara Malam Munajat turut diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Suasana BEST' disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Tazkirah kali ini memfokuskan kes-kes buli yang berlaku dan perlu dibanteras. Gejala buli boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di institusi pendidikan, tempat kerja atau di tempat awam.

Untuk mengatasi gejala buli, maka Islam memberikan panduan agar seseorang itu mempunyai beberapa sikap yang perlu ada antaranya ialah dengan menghidupkan suasana Bantu, Empati, Sayangi dan Tanggungjawab (BEST). Empat sikap ini jika diamalkan maka kehidupan dalam sesebuah institusi atau masyarakat akan lebih bermakna dan harmoni.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan hamba-hambanya agar hidup saling membantu, saling menyayangi dan mempunyai perasaan yang mendalam terhadap kesusahan orang lain serta memikul tanggungjawab yang sewajarnya.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan selawat dipimpin oleh Guru, Pengawas Kadet Tentera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Mohammad bin Ali bersama Pasukan Kadet Tentera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari Masjid Kampung Pulaie, Berakas.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Hafiz Nur Adib bin Haji Abdul Manaf dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Acara Malam Munajat tersebut juga dimeriahkan oleh ahli-ahli takmir dan para belia serta jemaah daripada 81 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara serta warga KHEU dan Kementerian Pendidikan berserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau *http://www.facebook.com/pdi.kheu/*.



**ACARA Malam Munajat Kali Ke-113 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bersempena Program BEST diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Suasana BEST' yang memfokuskan kes-kes buli yang berlaku dan perlu dibanteras.**

**TAZKIRAH kali ini memfokuskan kes-kes buli yang berlaku dan perlu dibanteras. Gejala buli boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di institusi pendidikan, tempat kerja atau di tempat awam. Untuk mengatasi gejala buli, maka Islam memberikan panduan agar seseorang itu mempunyai beberapa sikap yang perlu ada antaranya ialah dengan menghidupkan suasana Bantu, Empati, Sayangi dan Tanggungjawab (BEST). Empat sikap ini jika diamalkan maka kehidupan dalam sesebuah institusi atau masyarakat akan lebih bermakna dan harmoni.**

# APPF Ke-31 luluskan 10 resolusi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat




ROMBONGAN Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Tahunan Asia-Pacific Parliamentary Forum (APPF) Kali Ke-31 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Republik Filipina, baru-baru ini.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) baru-baru ini telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Asia-Pacific Parliamentary Forum (APPF) Kali Ke-31 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Republik Filipina pada 23 hingga 26 November 2023.

Rombongan MMN Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; berserta enam orang Ahli MMN; dan beberapa orang pegawai daripada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Mesyuarat juga telah dihadiri oleh perwakilan-perwakilan daripada 18 buah negara yang lain.

Presiden Senat Republik Filipina, Yang Berhormat Juan Miguel F. Zubiri dalam ucapannya semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Tahunan APPF Kali Ke-31 telah menekankan kepentingan dalam mengukuhkan perhubungan yang berdaya tahan bagi mencapai keamanan, kemakmuran dan kelestarian pada era pascapandemik COVID-19 dan ke arah menjadikan Abad Ke-21 sebagai abad milik rantau Asia Pasifik.

Ahli-ahli parlimen digesa agar sentiasa berazam dalam menghadapi cabaran-cabaran mendatang untuk terus melangkah ke hadapan selaras dengan tema mesyuarat.

Dalam kenyataan semasa Sidang Plenari bagi Politik dan Keselamatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi antara lain mengongsikan usaha serta inisiatif Negara Brunei Darussalam dalam membanteras jenayah rentas sempadan termasuk dalam anti-pengganasan, pembersihan wang haram dan keselamatan siber.

Usaha-usaha tersebut melibatkan kerjasama rapat antara negara-negara sahabat dalam memastikan tindak balas yang selaras.

Dalam mencapai pembangunan yang mampan, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dalam kenyataannya di sidang mesyuarat telah menyentuh mengenai kepentingan membangun infrastruktur kritikal yang berdayatahan dan memupuk teknologi inovatif bagi menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi selaras dengan usaha dalam mencapai matlamat negara 2035.

Penglibatan belia di Negara Brunei Darussalam juga digariskan dalam usaha Sustainable Development Goals melalui penggunaan teknologi pada masa ini.

Dalam mengongsikan mengenai Perlindungan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage), Negara Brunei Darussalam terus komited dalam mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan utama.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf menyatakan negara sentiasa memastikan penyediaan liputan kesihatan sejagat serta memastikan penjagaan kesihatan yang *accessible* dan saksama kepada semua.

Antara lain juga, keperluan penglibatan wanita ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan ditekankan semasa persidangan di bawah agenda Women Parliamentarians.

Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, telah mengongsikan inisiatif-inisiatif negara dalam pemerkasaan wanita termasuk Pelan Tindakan Negara bagi Wanita (Plan of Actions on Women).

Mesyuarat telah meluluskan sebuah Kenyataan Bersama (Joint Communique) secara sebulat suara.

Sebanyak 10 buah resolusi diluluskan yang jelas menunjukkan komitmen negara-negara ahli APPF dalam mengukuhkan kerjasama parlimen serantau dalam isu-isu berkepentingan bersama.

# PEMBARIGAAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



YANG Di-Pertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin semasa berucap.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

**TUTONG**, Ahad, 26 November. – Dalam usaha ke arah membarigakan secara meluas Kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara yang diadakan setiap tahun kepada masyarakat khususnya kaum wanita dalam pelbagai peringkat umur di negara ini, sehubungan itu, satu Majlis Forum telah diadakan hari ini.

Majlis Forum tersebut berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong yang dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Chong Chin Yee yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pengerusi Majlis, Yang Di-Pertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin dalam ucapannya menjelaskan bahawa tema forum 'Payudara Aset Berharga, Jagalah!' merupakan seruan kepada masyarakat untuk memberi perhatian sewajarnya dalam menjaga kesihatan diri khususnya payudara.

Forum tersebut adalah sempena Sambutan Kesedaran Kanser Payudara 2023 yang diadakan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat, perhatian dan kesedaran kepada orang ramai bahawa kanser payudara boleh dicegah dan dirawat.

Seramai tiga ahli panel iaitu Consultant Oncologist and Physician, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Profesor Madya Dr. Haji Muhammad Syafiq bin Abdullah; Consultant Medical Oncologist, Pantai Jerudong Specialist Center, Dr. Awang Haji Raden Mas Jeffri bin Raden Mas Ismail; dan Consultant in Breast Surgery, Hospital RIPAS, Dr. Dayang Hajah Amalinda binti Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi telah dijemput dalam forum tersebut dan Dayang Hajah Jainah sebagai Moderator Forum.

Sesi kedua forum pula disampaikan oleh para *survivor* yang terdiri Dayang Rozita binti Haji Tamin; Dayang Hajah Zaliha binti Haji Ibrahim dan Dayang Siti Faizahanisah binti Awang Mahani.

Seterusnya sesi soal jawab diadakan dan diteruskan dengan taklimat dan demo pemeriksaan sendiri payudara. Juga diadakan pameran-pameran serta petak jualan di dewan tersebut.

Juga hadir pada forum tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.



# DYNAMIK BENCH DILANCARKAN, DUKUNG INISIATIF KELESTARIAN ALAM SEKITAR





**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan semasa hadir pada pembukaan rasmi Dynamik Bench (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**>> Muka 1**

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub; Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib dan wakil dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan, Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei dan Green Brunei.

Dynamik Solar Smart Bench, produk inovasi oleh Kuube Plusfrom Hungary, adalah sumbangan daripada Dynamik Technologies sebagai sebahagian daripada inisiatif kelestariannya.

Bangku solar ini bukan sahaja menyediakan tempat duduk yang selesa untuk masyarakat tetapi juga menggabungkan ciri-ciri canggih, termasuk dua pengecas Wireless, dua pengecas USB dan sentiasa memantau persekitarannya seperti perubahan dalam suhu, tahap UV, kualiti udara, kelembapan dan tekanan udara.

Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib, menyatakan, "Komuniti perniagaan memainkan peranan penting dalam mencapai keseimbangan yang halus antara pertumbuhan dan tanggungjawab alam sekitar".

Bahkan, beliau teruja untuk menerajui usaha kerjasama ini dengan JASTRe dalam memperkenalkan Dynamik Solar Smart Bench di Taman Mahkota Jubli Emas.

Inisiatif mesra alam ini jelasnya, adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Dynamik Technologies untuk menyumbang kepada persekitaran mampan sebagai sebahagian daripada Wawasan 2035 dan memudahkan integrasi teknologi ke dalam ruang awam untuk kesejahteraan masyarakat.

Untuk meraikan kejayaan ini, Dynamik Technologies telah memulakan kempen media sosial yang menarik.

Ini termasuklah pertandingan foto dan pencarian jejak digital, menggalakkan penyertaan aktif untuk mempromosikan kesedaran tentang ciri mesra alam Dynamik Solar Smart Bench dan menggalakkan amalan kelestarian.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh mengikuti *@dynamikbench* atau *@dynamiktechnologies* di Instagram.





**BANGKU solar ini bukan sahaja menyediakan tempat duduk yang selesa untuk masyarakat tetapi juga menggabungkan ciri-ciri canggih, termasuk dua pengecas Wireless, dua pengecas USB (atas dan kanan).**

# Hari GIS 2023 tutup tirai dengan pelbagai aktiviti

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Hari GIS merupakan acara tahunan bagi memperkenalkan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan membarigakan kepada orang ramai tentang geografi yang bertemakan 'Celebrating The GIS Professional' pada tahun ini.

Jabatan Ukur telah mengadakan sesi taklimat pada 15 November lalu untuk berkongsi pencapaian jabatan dan memberi inspirasi kepada orang ramai untuk menggunakan teknologi GIS.

Sehubungan itu, Sambutan Hari GIS 2023 berakhir dengan beberapa acara yang dianjurkan oleh Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Institusi Geomatik Brunei (BIG) dan diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Pelbagai pameran dan aktiviti menarik dianjurkan oleh bahagian-bahagian di bawah Jabatan Ukur dan BIG yang dibukakan kepada orang ramai.

Acara dimulakan dengan acara pelepasan bagi Cabaran GIS Go! oleh Pemangku Juruukur Agung, Dayangku Siti Saihalina binti Pengiran Haji Ibrahim. Acara ini merupakan kali pertama dianjurkan oleh Jabatan Ukur di mana sebanyak 13 kumpulan yang terdiri daripada 26 orang telah mengikuti pertandingan yang berkonsepkan Treasure Hunt.

Manakala Cartographic Creations merupakan siri Pertandingan Melukis Peta mengikut kreativiti peserta berdasarkan peta yang telah disediakan oleh pihak jabatan. Ia telah dibukakan kepada orang ramai pada hari tersebut dan disertai oleh sebanyak sembilan peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah bagi pemenang Cabaran GIS Go! dan Cartographic Creations serta Sijil Penghargaan penaja ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

The Barbossa Brothers telah menerima Anugerah Most Energetic Team Award manakala Nuuresa dan Geo Explorers masing-masing menerima Anugerah Most Sporting Team dan Most Cooperative Team.

Keputusan akhir bagi Cabaran GIS Go! dimenangi oleh Geo Explorers di tempat pertama, The Barbossa Brothers di tempat kedua dan di tempat ketiga disandang oleh Matcha.

Bagi Acara Cartographic Creations Kategori 1 (7 hingga 12 tahun) dimenangi oleh Dayang Nur Qistina Batrisya, diikuti di tempat kedua dan ketiga oleh Dayangku Siti Nur Insyirah Az-Zahra dan Riyaaz.

Juara bagi Kategori 2 (13 - 18 tahun) pula Dayang Rasyiqah Syazana, di tempat kedua, Dayangku Nur Zaqirah dan di tempat ketiga, Dayang Akmal Batrisya.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pembangunan serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur dan Ahli-ahli BIG.







**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah (kiri). Manakala gambar kanan, tetamu kehormat semasa mengikuti salah satu aktiviti yang dianjurkan pada acara tersebut.**

# NURATIKA ADILAH JUARA PERTANDINGAN AKHIR BINTANG KECIL 2023

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas




**SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara peserta yang menyertai pertandingan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 November. - Dayang Nuratika Adilah binti Haji Abdul Zamri dinobatkan sebagai juara Pertandingan Akhir Bintang Kecil 2023 sekali gus berjaya memenangi hadiah wang tunai berjumlah BND1,500, piala dan sijil penyertaan.

Tempat kedua pula disandang oleh Awang Abdul Muqsith bin Abdul Hadie dengan membawa pulang BND1,000 berserta piala dan sijil penyertaan. Manakala Dayang Nur Izyan Humaira binti Mohd. Ali Hanafiah memenangi tempat ketiga dengan menerima hadiah wang tunai BND500, piala dan sijil penyertaan serta memenangi Persembahan Terbaik dengan berjaya membawa pulang BND300, piala dan sijil penyertaan.

Sementara penerima sagu hati masing-masing menerima BND300 berserta sijil penyertaan.

Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Kecil 2023 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) berlangsung malam tadi di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pertandingan yang mula diperkenalkan pada tahun 1978 ini merupakan platform atau landasan bagi mencungkil dan mengasuh bakat kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 12 tahun dalam bidang nyanyian.

Di samping itu, pertandingan tersebut juga dihasratkan untuk mendukung perkembangan dan mewarnai lagi industri seni tanah air.

Pada tahun ini, seramai 10 peserta bersaing untuk menjadi juara, naib juara dan tempat ketiga, selain dari memenangi kategori persembahan terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para penaja.

Pertandingan itu juga turut diadakan secara langsung melalui Harmoni FM, RTB Aneka dan RTBGo yang bermula jam 8.00 malam.

Dalam pada itu, RTB merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penaja pertandingan yang terdiri daripada Jannath Department Store, Firoz Jaya Silkhouse dan Radisson Hotel Brunei Darussalam.



# 437 graduan CCCT terima sijil



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan.**

**JERUDONG**, Sabtu, 25 November. - Seramai 437 graduan Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT) diraikan dalam Majlis Konvokesyen CCCT Ke-17 yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang dalam kursus masing-masing.

Terdahulu, Dr. Haji Azman dalam ucapannya berkata bahawa kejayaan yang diraih oleh para graduan ini adalah hasil usaha yang gigih dan murni setiap pelajar dan juga berkat doa, dedikasi serta sokongan yang tidak ternilai daripada ibu bapa dan penjaga, tenaga pengajar dan warga kolej serta masyarakat secara keseluruhannya.

Beliau menyeru para pelajar untuk terus meningkatkan pendidikan dan kemahiran ke arah menjadi tenaga kerja yang menyumbangkan jasa bakti kepada negara, ugama, raja dan bangsa.

"Ini adalah demi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-33 pada 23 September 2023, di mana baginda menitahkan mengenai peranan penting institusi pendidikan teknikal dan vokasional dan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan tenaga manusia atau modal insan dengan memupuk dan mengembangkan kemahiran, kecenderungan, sikap, moral, nilai dan kreatif, ke arah melahirkan rakyat yang berdikari dan berguna," ujarnya lagi.

Dr. Haji Azman seterusnya berkata bahawa Kementerian Pendidikan telah merangka Pelan Strategik 2023-2027 yang bertujuan untuk membentuk masa depan pendidikan yang merangkumi kecemerlangan, inovasi dan keterangkuman (inklusiviti), selaras dengan keperluan masyarakat, ekonomi dan dunia yang semakin berkembang.

Pelan Strategik ini mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan kepada pelajar, pendidik dan pihak berkepentingan serta keazaman kementerian untuk merapatkan jurang antara aspirasi dan pencapaian, dengan itu memastikan sistem pendidikan negara kekal sebagai mercu tanda kemajuan.

Ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 tambahnya institusi pengajian tinggi muncul sebagai agen perubahan yang penting. Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi mempunyai tanggungjawab yang mendalam untuk membangunkan dan menyampaikan program berkualiti yang memupuk tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

"Saya yakin CCCT akan terus maju sebagai pelopor dalam mendokong dasar pendidikan negara, dan juga akan terus memainkan peranan penting sebagai ejen transformasi masyarakat, selaras dengan peranan institusi pengajian tinggi dalam membentuk landskap pendidikan negara," jelasnya.



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT) Ke-17.**

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan

Dengan membawakan tema 'Innovative Generation Employable Nation', beliau percaya para graduan akan terus berupaya mencari idea inovatif dan kreatif melalui pelbagai platform, baik di dalam maupun di luar Kolej. Pendedahan ini akan membuka peluang lebih besar bagi para graduan untuk berjaya di dunia pekerjaan atau melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Melalui idea-idea inovatif dan kreatif baharu, para graduan dapat memberikan sumbangan berharga kepada masyarakat dan negara, terutama sekali kepada mereka yang memerlukannya.

Kita juga berharap agar para graduan sentiasa memiliki rasa pemedulian terhadap hal ehwal sekeliling dan sentiasa bersedia untuk melibatkan diri dalam membangunkan negara dan masyarakat.

Beliau juga menyambut baik inisiatif CCCT dalam mengembangkan portal digital *lakastahkerja.com* dan menyelenggarakan Bengkel Kerjaya untuk para graduan. Hasil daripada usaha ini, CCCT telah mencapai tahap kebolehpasaran (*employability rate*) sebanyak 86 peratus.




**PARA graduan CCCT semasa sesi bergambar ramai.**

# LANGKAH PENCEGAHAN TERHADAP BEBAN SAKIT BELAKANG

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin





**TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dalam ucapannya (kiri), manakala gambar kanan, salah seorang pembentang pada Simposium Tulang Belakang (Spine Symphosium) Kali Pertama bersempena World Spine Day.**

**>> Muka 1**

"Apa yang patut diberi perhatian ialah sakit pinggang mengatasi gabungan kanser, strok, penyakit jantung, diabetes dan Penyakit Alzheimer," ujarnya pada Simposium Tulang Belakang (Spine Symphosium) Kali Pertama bersempena World Spine Day anjuran Jabatan Pembedahan Neuro (Neurosurgery Department), Pusat Pemulihan Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (BNSRC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) berlangsung di Teater Kuliah, PJSC, di sini.

Menurut Dr. Ang Swee Hui lagi, kajian itu mengenal pasti faktor risiko utama, termasuk merokok, obesiti dan faktor pekerjaan seperti pergerakan berulang atau mengendalikan beban berat di tempat kerja. Apabila populasi kita meningkat, risikonya semakin meningkat dengan kesan puncak berlaku pada 85 tahun.

Selain penderitaan peribadi tambahnya, sakit pinggang menimbulkan beban sosial dan ekonomi yang besar, di mana ia membawa kepada kehilangan produktiviti, peningkatan kos perubatan dan ketidakhadiran kerja. Keperluan untuk strategi pencegahan kesihatan awam amat ketara.

"Di Klinik Pesakit Luar Pakar Pembedahan Neuro, PJSC, kami menyaksikan bahawa kira-kira 60 peratus pesakit mendapatkan bantuan untuk sakit belakang dan isu berkaitan tulang belakang.

"Majoriti campur tangan dan pembedahan yang dilakukan di teater pembedahan saraf di sini dikhususkan untuk penyakit berkaitan tulang belakang.

"Walaupun terdapat kemudahan diagnostik, rawatan dan pemulihan yang sangat baik di PJSC, adalah penting bagi kita semua memainkan peranan dalam promosi kesihatan tulang belakang," tegas Dr. Ang Swee Hui menambah.

Simposium berkenaan terbahagi kepada tiga sesi di mana sesi pertama mengetengahkan topik 'Assessment of Back Pain' oleh Dr. Sunil Upadhyaya dan 'Imaging in Back Pain' oleh Dr. Arun Gupta manakala sesi kedua membentangkan topik 'Degenerative Disc Disease with Lumbar Canal Stenosis' oleh Dr. John Mathew, 'Lumbar Disc Herniation : Role of Conservative Therapy and Injections' oleh Dr. Dawn Antony dan 'Management of Osteoporotic Pain' disampaikan oleh Dr. Vineesh Varghese.

Sementara itu, pada sesi ketiga merangkumi topik-topik mengenai 'Role of Surgery in Lumbar Degenerative Disc Disease' oleh Dr. Ady Thien, 'Role of Rehabilitation in Back Pain, Sciatica' oleh Dr. Abang Muhammad Fahmy dan 'Exploring Exercise in Non-specific Low Back Pain' oleh Murugavel Manivasagam.

Simposium tersebut antara lain dihasrat sebagai langkah penting dalam meningkatkan kesedaran dan melaksanakan langkah pencegahan terhadap beban sakit belakang yang semakin meningkat.

Gangguan tulang belakang memberi kesan kepada seseorang dalam jangka hayatnya dan merupakan punca kecacatan terbesar di dunia.

Sepanjang lima tahun lalu, Jabatan Pembedahan Neuro di PJSC telah mencapai pusat kecemerlangan dalam penjagaan tulang belakang dengan kemudahan terkini dari segi penjagaan pesakit dan hasil.

Dalam era teknologi canggih dan pakar bedah berusaha untuk mendapatkan hasil yang lebih baik, Jabatan Pembedahan Neuro telah menerima pakai perkhidmatan Tulang Belakang Invasif Minimum dan pembedahan bantuan navigasi di PJSC dalam tempoh tiga tahun dan ia telah mengubah secara dramatik kepuasan dan hasil pesakit.

**"DI Klinik Pesakit Luar Pakar Pembedahan Neuro, PJSC, kami menyaksikan bahawa kira-kira 60 peratus pesakit mendapatkan bantuan untuk sakit belakang dan isu berkaitan tulang belakang. "Majoriti campur tangan dan pembedahan yang dilakukan di teater pembedahan saraf di sini dikhususkan untuk penyakit berkaitan tulang belakang. "Walaupun terdapat kemudahan diagnostik, rawatan dan pemulihan yang sangat baik di PJSC, adalah penting bagi kita semua memainkan peranan dalam promosi kesihatan tulang belakang".**



**ANTARA yang hadir mendengarkan Simposium Tulang Belakang (Spine Symphosium) Kali Pertama bersempena World Spine Day.**

# 86 pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran





**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan Sijil Khatam (kiri), manakala gambar kanan, para pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena penutupan pengajian bagi pelajar-pelajar Tahun II Ke-25 Sesi Pengajian 2022-2023, Skim Tilawah Al-Quran Remaja Tahun 1445H / 2023M.**

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 26 November. - Seramai 86 pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena penutupan pengajian bagi pelajar-pelajar Tahun II Ke-25 Sesi Pengajian 2022-2023, Skim Tilawah Al-Quran Remaja Tahun 1445H / 2023M yang diadakan di Surau Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam diikuti dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dibacakan oleh Awang Muhammad Ashqal Ezairy@ Abdul Mateen bin Mohammad Shahroni, pelajar Tahun II Skim Tilawah Al-Quran Remaja.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Sijil Khatam serta hadiah galakan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dipimpin oleh Tenaga Pengajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja Daerah Belait, Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli.

Majlis Khatam Al-Quran yang diungkayahkan oleh Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam itu dihasrat bagi melahirkan generasi yang berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertarannum serta ke arah mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memastikan semua pelajar menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dan budaya dalam kehidupan seharian.

# SMSH ANJUR FESTIVAL HARI KELUARGA





**PEGAWAI Daerah Temburong hadir bagi merasmikan Festival Hari Keluarga dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sultan Hassan**

**TEMBURONG**, Sabtu, 25 November. - Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar mengadakan Festival Hari Keluarga yang diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga 26 November 2023 berlangsung di Kampus Baharu SMSH di Kampung Batu Apoi.

Hadir bagi merasmikan festival berkenaan ialah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Festival Hari Keluarga telah dimuatkan dengan pameran dari jabatan-jabatan di SMSH dan aktiviti berbentuk Fun Fair serta jualan berupa makanan dan minuman.

Antara tujuan festival ini diadakan adalah untuk mendedahkan maklumat mengenai mata pelajaran dalam jabatan berkenaan selain memberi peluang kepada orang ramai untuk meluangkan masa bersama keluarga dan seterusnya berhibur dengan permainan-permainan yang disediakan dan juga membantu menjana ekonomi peniaga-peniaga tempatan khususnya peniaga di Daerah Temburong.

# Bantu anak kampung dalam hal ehwal pekerjaan

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**PENGARAH JobCentre Brunei (JCB), Dayang Hajah Noraini binti Haji Mohd. Jamudin selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada Program Akar Umbi Kali Ke-4.**



**TEMBURONG**, Sabtu, 25 November. - Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri meneruskan lagi Program Akar Umbi Kali Ke-4 hari ini.

Pada kali ini, program diadakan di Daerah Temburong untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai penubuhan MPEC serta fungsi, peranan dan inisiatif-inisiatifnya kepada kesemua penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung selaku pemimpin-pemimpin akar umbi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili.

Program turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada Sekretariat Tetap MPEC.

Pengarah JobCentre Brunei (JCB), Dayang Hajah Noraini binti Haji Mohd. Jamudin selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menggariskan bahawa program berperanan dalam menitikberatkan isu-isu yang dihadapi oleh anak-anak kampung terutama sekali yang berkaitan dengan hal ehwal pekerjaan.

Program ini diharapkan akan dapat meningkatkan persefahaman, menjadi platform untuk bercambah fikiran dan mengeratkan lagi silaturahim di antara Sekretariat Tetap MPEC bersama pemimpin-pemimpin akar umbi dalam sama-sama membantu anak-anak kampung untuk mendapatkan pekerjaan dan mempertingkatkan kemahiran mereka.

Dayang Hajah Noraini turut mengongsikan bahawa pihak Sekretariat Tetap MPEC melalui JCB giat melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan seperti pemadanan kerja (*job matching*) dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta mengadakan sesi temu duga di JCB.

Oleh itu, beliau juga berharap kerjasama daripada pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi untuk sama-sama menyeru dan menggalakkan anak-anak kampung membuat pendaftaran akaun di portal JCB dan seterusnya mendapat akses untuk memohon pekerjaan yang ditawarkan melalui platform JCB.

Dalam pada itu, Dayang Hajah Noraini turut merakamkan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin akar umbi atas penglibatan yang berterusan dalam merealisasikan Matlamat 1 Wawasan Negara 2035 iaitu untuk menjadikan Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Program itu diisikan dengan taklimat mengenai Sekretariat Tetap MPEC serta perkhidmatan JCB yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Siti Nur 'Ai'syatussolehah binti Haji Mohd. Soffi, dan kemudian diteruskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II daripada Sekretariat Tetap MPEC, Dayang Nur Syahidatul Nadzirah binti Awang Yahya.





## سرواڠ سوچي

# أنق اداله أمانه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الكهف أية ٤٦ :

**هرتا دان أنق ڤينق ايت اياله ڤرهياسن كهيدوڤن دنيا دان عملن-عملن صالح يڠ ككل ايت لبيه بايك ڤهلاڽ دسيسي توهنمو دان لبيه بايك منجادي هارڤن (اونتوق كبهكيأن هيدوڤ دأخيرة).**

جماعه يڠ درحمتي الله،

أنق مروڤاكن كورنيا دان أنوڬره يڠ دأمانهكن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اونتوق دجاڬا دڠن بايك دان ڤنوه كاسيه سايڠ. ڤرلو دإيڠت، بهاوا إيبو باڤ اتو ڤنجاڬ برتڠڬوڠجواب منجاڬ أمانه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اين دڠن سبايك-بايكڽ.

انتارا تڠڬوڠجواب يڠ واجب دڤيكول اوله كدوا إيبو باڤ اتو ڤنجاڬ اياله منديديق أنق-أنق مريك دڠن ديديقن يڠ بايك دان سمڤورنا. سكيراڽ حاصل ديديقن منجاديكن أنق ايت سأورڠ أنق يڠ صالح، مك إيبو باڤ جوك توروت منداڤت ڤهلا دان سباليقڽ جك ديديقن يڠ دبري تيدق سمڤورنا مك إيبو باڤ يڠ اكن منڠڬوڠ سام عقيبتڽ دهادڤن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كلق. **درڤد عبدالله بن عمر رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُمَا، بهاوا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: دان سأورڠ سوامي اداله ڤميمڤين باڬي أڠڬوتا كلواركڽ، دان اي اكن دمينتا برتڠڬوڠجواب ترهادڤ مريك. سأورڠ إستري اداله ڤميمڤين باڬي روماه تڠڬا، سوامي دان أنق-أنقڽ، دان اكن دمينتا برتڠڬوڠجواب ترهادڤ يڠ دڤيمڤينڽ. سأورڠ همبا اداله ڤميمڤين باڬي هرتا توانڽ، دان دي جوك اكن دمينتا برتڠڬوڠجواب ترهادڤ اڤ يڠ دڤيمڤينڽ. كتهويله ستياڤ كامو اداله ڤميمڤين، دان ستياڤ كامو اكن دمينتا برتڠڬوڠجواب أتس اڤ يڠ كامو ڤيمڤين. {حديث رواية إمام بخاري}**

سسڠڬوهڽ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ منجاديكن ستياڤ أنق ايت دلاهيركن دالم كأدأن فطره سمولاجادي اونتوق منريما سبارڠ ڤروبهن سام اد كبايكن اتوڤون كبوروقن. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ.**

**مقصودڽ:**

**ستياڤ أنق يڠ دلاهيركن ايت دالم كادأن فطره (سوچي برسيه)، كدوا إيبوباڤيله يڠ منچورقكنڽ منجادي يهودي اتو نصراني اتو ماجوسي. {حديث رواية إمام بخاري}**

اوله كران ايت، أڬام كيت مڠأنجوركن إيبو باڤ سوڤاي ممستيكن أنق-أنق مريك منريما دان منداڤت ڤنديديقن يڠ سمڤورنا ترأوتاماڽ ڤنديديقن أڬام اڬر مريك منجادي إنسان يڠ برڤكرتي بايك دان برأخلاق مليا. اين كران جك جيوا أنق-أنق ايت تله دديديق دان دسماي دڠن اجارن أڬام إسلام يڠ قوات، إن شاء الله مريك اكن منجادي اورڠ يڠ برإيمان، چينتا ڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان رسولڽ، منجادي أنق يڠ صالح، بربقتي كڤد أڬام، إيبو باڤ، مشاركت دان نڬارا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

توكس منديديق أنق-أنق بوكنله سواتو توكس يڠ موده دان بوليه دڤندڠ ريڠن. اين كران ديديقن إيبو باڤ اتو ڤنجاڬ ڤد ڤريڠكت اول اداله ڤننتو كأره مان چورق دان ماس دڤن مريك لبيه-لبيه لاڬي دزمان يڠ ڤنوه دڠن ڤلباڬي چابرن اين.

كانق-كانق ڤد زمان سكارڠ اكن ممبيمبڠكن كران موده ترڤڠاروه دڠن إيسو-إيسو سوسيال يڠ اكن سوكر دكاول اوله إيبوباڤ سڤرتي بولي، ڤڽالهڬوناأن داده، لاري دري روماه، تيدق برسكوله دان برماچم-ماچم لاڬي.

ڤارا إيبو باڤ اتو ڤنجاڬ تيدق بوليه مڠمبيل ريڠن، چواي دان لالي دالم منونيكن حق دان تڠڬوڠجواب مريك ترهادڤ أنق-أنق. اين كران جك مريك لالي دان كورڠ ممبري ڤرهاتين كڤد كلاكوان أنق-أنق مريك، دخواتيري أنق-أنق اكن ترجبق دڠن ڬجالا نيڬاتيف اتو ككياتن كورڠ برمورل يڠ مڽالهي أڬام إسلام يڠ سوچي، بهكن جوك ملڠڬر عادة دان تاتا سوسيلا دان جوك ملڠڬر أوندڠ-أوندڠ نڬارا.

ڤنديديقن يڠ سمڤورنا دان سإيمبڠ انتارا دنياوي دان أخروي أمت مستحق دبريكن كڤد أنق-أنق كران تنڤا اداڽ علمو ڤڠتهوان كيت تيدق داڤت ممبيذاكن انتارا يڠ حق دان يڠ باطل. سلاين ايت، سباڬي إيبو باڤ اتو ڤنجاڬ، مريك هندقله سنتياس ڤريهاتين دان مڠمبيل برت ترهادڤ أنق-أنق سام اد دري سڬي إيموسي، مينتل ماهوڤون فيزيكل.

إيبوباڤاله يڠ برتڠڬوڠجواب منچورق دان منديديق مريك دڠن ديديقن يڠ بايك دان سمڤورنا. إيكوتله تاتاچارا منديديق أنق مڠيكوت سنه رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حال ماكن دان مينوم، تيدور، ممليهارا كلوارك درڤد دجڠكيتي ڤڽاكيت دان مڠهالڠ مريك دري ڤركارا-ڤركارا معصية ترماسوقله ڤڠاروه مديا سوسيال ترهادڤ كانق-كانق دزمان اين.

والو باڬيمان ڤون، ڤرانن ترسبوت تيدق چوكوڤ اونتوق دڬالس اوله إيبوباڤ سهاج، بهكن ممرلوكن ڤرانن مشاركت سچارا مپلوروه تيدق كيرا بڠسا دالم سام-سام مڠڬالس تڠڬوڠجواب ترهادڤ كانق-كانق.

دالم حال اين، نڬارا بروني دارالسلام تله منجادي أهل كڤد كونوينشن حق كانق-كانق يڠ مڠهورمتي حق كانق-كانق اونتوق كسجهترأن كهيدوڤن مريك ترماسوق حق اونتوق كهيدوڤن، حق اونتوق ڤليندوڠن، حق اونتوق ڤركمبڠن، دان حق اونتوق ڤڠليبتن دالم ڤركارا-ڤركارا يڠ بركڤنتيڠن باڬي مريك.

دڠن منچاڤاي حق كانق-كانق ترسبوت، دهارڤكن اكن داڤت ممبريكن ماس دڤن يڠ چره باڬي مريك. دمي ممستيكن كانق-كانق دنڬارا اين برأوڤايا اونتوق منچاڤاي كهيدوڤن يڠ لبيه سلامت دان بركواليتي، اي ڤنتيڠ اونتوق مڠمبڠكن لاڬي إيكوسيستم ڤرليندوڠن كانق-كانق. ڤرليندوڠن كانق-كانق اين برمولا درڤد كلوارك، دإيكوتي اوله مشاركت، إينستيتوسي دان سچارا مپلوروه تيدق كيرا بڠسا يڠ سچاجر دڠن كوميتمن انتارابڠسا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

دسمڤيڠ ايت، جاڠنله كيت لوڤا اكن سودارا كيت يڠ برادا د **GAZA**، فلسطين. دمان كسجهترأن كانق-كانق دسان جوك ساڠت ترأنچم. إيكورن ڤرتمڤوران يڠ برلاروتن سجق ٧ أوكتوبر ٢٠٢٣ يڠ لالو، مڠسا-مڠسا سراڠن إسرائيل دان جومله كوربن سرت كچدرأن منيڠكت دكالڠن رعيت فلسطين. تيندقن إسرائيل مڠبوم سچارا كترلالوان ترهادڤ كاوسن-كاوسن عوام، مپكت بكلن أسس أير، إيليكتريق دان ماكنن، مڠسا-مڠسا ساڠت-ساڠت ممرلوكن بنتوان.

اوله يڠ دمكين، نڬارا كيت تله منوبوهكن تابوڠ كمأنسيأن رعيت فلسطين د **GAZA** ٢٠٢٣ ڤد ٣ ربيع الأخير ١٤٤٥ هجرة برسمأن ١٨ أوكتوبر ٢٠٢٣ مسيحي يڠ لالو برتوجوان ممبنتو مريڠنكن ببن ڤندريتأن يڠ دتڠڬوڠ اوله مڠسا-مڠسا ڤندودوق فلسطين د **GAZA**. ماريله كيت سام-سام مڠهولوركن درما كتابوڠ كمأنسيأن رعيت فلسطين د **GAZA** ٢٠٢٣ ملالوءي تابوڠ-تابوڠ يڠ دسدياكن دمسجد-مسجد، سوراو-سوراو دان بالي عبادة، باڠونن بڠك-بڠك، كدوڠ-كدوڠ ڤرنياڬأن دان باڠونن-باڠونن عوام دسلوروه نڬارا، ڤرخدمتن **BIBD ONLINE**، **SMS** بروني ڤريهاتين اتو مڠهانتر تروس كڤد أوروس ستيا تابوڠ كمأنسيأن رعيت فلسطين د **GAZA** ٢٠٢٣ دبهاڬين ڤڠوروسن دان ڤنتدبيران، تيڠكت ٢، جابتن ڤمباڠونن مشاركت، باڠونن كمنترين كبودايأن، بليا دان سوكن، جالن كبڠسأن، بندر سري بڬاوان، نڬارا بروني دارالسلام ڤد وقتو ڤجابت. موده-مودهن سڬل نية دان سومبڠن يڠ دهولوركن اين اكن منداڤت كريضأن دان كبركتن درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**كاتاكنله: "سسڠڬوهڽ توهنكو ملواسكن كورنيا رزقي كڤد سسياڤ يڠ دكهندقيڽ انتارا همبا-همباڽ دان مپمڤيتكنڽ (كڤد سسياڤ يڠ دكهندقيڽ)، دان اڤ سهاج يڠ كامو بلنجاكن (اونتوق كبايكن) مك الله اكن مڠڬنتيكنڽ دان دياله سبايك-بايك ڤمبري رزقي. {سورة سبأ أية: ٣٩}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# PPPBD ANJUR ACARA PENANAMAN POKOK



**PENGARAH Perhutanan, Dayang Hajah Noralinda binti Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat dan berucap pada majlis tersebut.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Sabtu, 25 November. - Sejumlah 70 batang pokok ditanam oleh para peserta Program Antarabangsa Share Learn Grow anjuran Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2023 pada Acara Penanaman Pokok yang diadakan sebagai salah satu daripada pengisian program berkenaan, hari ini.

Penanaman 70 batang pokok bertempat di Taman Rekreasi, Jalan Menteri Besar itu juga adalah sebagai menandakan bersempena 70 Tahun Penubuhan PPPBD.

Tujuan Acara Penanaman Pokok bagi program antarabangsa ini adalah untuk menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs) terutama SDGs 15 iaitu Life on Land atau Kehidupan di Darat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pengarah Perhutanan, Dayang Hajah Noralinda binti Haji Ibrahim.

Berucap pada acara tersebut, Dayang Hajah Noralinda antara lain berkata Bahawa Acara Penanaman Pokok ini merupakan ekspresi nyata komitmen kita untuk mewujudkan ekosistem yang lebih berdaya tahan.

"Pokok adalah pahlawan tersembunyi (*silent warriors*) dalam pertempuran menentang perubahan iklim, menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen, menyediakan habitat bagi spesies yang tidak terkira banyaknya, menyediakan air bersih untuk semua orang dan mencegah hakisan tanah.

"Oleh itu, penanaman pokok kita hari ini akan menjadi pelaburan untuk persekitaran yang lebih bersih dan sihat untuk generasi akan datang," ujarnya.

Oleh itu, beliau menyeru, melalui acara tersebut, anggaplah ia sebagai simbol harapan, ketahanan dan perpaduan. Tindakan secara individu, apabila digabungkan akan memberi kesan yang mendalam kepada komuniti kita, kepada negara kita dan kepada dunia.

Acara diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama-sama dengan semua peserta Program Antarabangsa Share Learn Grow PPPBD Tahun 2023 dan diteruskan dengan perasmian penanaman oleh tetamu kehormat.

Seramai 210 orang peserta menyertai Program Antarabangsa Share Learn Grow PPPBD Tahun 2023 daripada sembilan buah negara iaitu tuan rumah, Negara Brunei Darussalam (NBD), Bangladesh, Kemboja, India, Malaysia, Maldives, Pakistan, Filipina dan Singapura yang diadakan dari 22 November 2023 hingga 27 November 2023.

Tujuan program antarabangsa ini diadakan adalah untuk mempromosi kerjasama dan kolaborasi dalam persekitaran yang sihat dan selamat, menyokong agenda SDGs, merangsang kerjasama dan kepimpinan antara generasi serta mengenali NBD secara lebih dekat.

Pelbagai bengkel, pembentangan dan aktiviti telah dirancang bagi pengisian bermanfaat untuk peserta-peserta program antarabangsa ini antaranya ialah Forum Kepimpinan Antara Generasi (Intergenerational Leadership), Pembentangan dan Bengkel Perancangan Strategik (Strategic Planning), Acara Penanaman Pokok dan lawatan ke tempat-tempat menarik di Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan.



**ANTARA yang menyertai Program Antarabangsa Share Learn Grow anjuran Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2023 pada Acara Penanaman Pokok (atas dan bawah).**

Juga hadir pada acara tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar; Ketua Pegawai Operasi BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali selaku Pengerusi Program Antarabangsa Share Learn Grow 2023; Pengerusi / Chair Asia Pacific Regional Committee World Association of Girl Guides and Girl Scouts, Chempaka Emalin Pahamin dan Dato Jeyadhevi Subramaniam; Sukarelawan World Association of Girl Guides and Girl Scouts serta pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).






# Tingkatkan kesedaran bahaya dadah

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 November. - Sekolah Menengah Awang Semaun dan Persatuan BASMIDA serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru menganjurkan Majlis Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Sekolah-sekolah, Jabatan sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali menyatakan bahawa program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran ke tahap yang lebih tinggi akan bahaya penagihan dadah dan ancamannya kepada orang ramai.

Pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah adalah asas yang terbaik untuk mencegah penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Cara ini jelasnya, menekankan salah satu pelaburan sangat bijak dan *cost effective* dan terbukti boleh menjana generasi, keluarga dan masyarakat agar kukuh dan bebas daripada kenana penyalahgunaan dadah.





**PENGARAH Sekolah-sekolah, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah (kiri), manakala gambar kanan, antara pelajar yang hadir pada majlis berkenaan.**

Kerjasama dan hubungan baik antara agensi kerajaan seperti Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan juga NGO seperti BASMIDA sentiasa diperkukuhkan lagi demi mencapai usaha gigih sikap toleransi *zero* untuk usaha-usaha mencapai ASIA Drug free.

Sehubungan itu, tetamu kehormat majlis menyambut baik program ini khususnya kepada para pelajar atas dasar tanggungjawab dan bagi mengetahui tentang bahayanya penyalahgunaan dadah kepada pelajar dan ibu bapa di samping mengongsikan maklumat kepada masyarakat tentang risiko dan kesan negatifnya.

Majlis turut diisikan dengan ceramah yang bertajuk 'Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah' yang disampaikan oleh Pegawai Narkotik Kanan, Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah BKN, Awang Mohd. Reduan bin Abdullah dan tazkirah oleh Ketua Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saharuddin bin Haji Patra bertajuk, 'Kaitan memelihara lima perkara di Maqasid Syariah' yang menyentuh mengenai aspek penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

DARI MAHKAMAH

# ROGOL ANAK SENDIRI : DIPENJARA, SEBAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Dalam perbicaraan pertama sebelum ini, pihak Mahkamah Rayuan tetap mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman 30 tahun penjara dengan 15 sebatan terhadap seorang ayah atas kesalahan merogol dua anak kandungnya.

Lelaki yang tidak boleh dinamakan bagi melindungi identiti mangsa, disabitkan selepas perbicaraan atas 10 pertuduhan merogol bertentangan dengan Seksyen 376 (1) Kanun Jenayah.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon berserta dua lagi hakim, Hakim Michael Peter Burrell dan Conrad Seagroatt berkata bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah 'boleh dibenarkan oleh beratnya faktor-faktor yang memburukkan keadaan secara kolektif'.

Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Hajah Rozaimah binti Haji Abdul Rahman dan Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Hajah Atiyyah Azzahra binti POKLSDSLJ Awang Haji Abas membantu Mahkamah Rayuan dalam menjawab rayuan menyediakan kes undang-undang dan membantah permohonan itu.

Kes itu telah ditetapkan sebagai garis panduan hukuman baharu bagi kes rogol sumbang mahram, bertolak daripada kes lain yang ditetapkan 20 tahun lalu, menjadikannya 'Landmark Case'.

Selepas perbicaraan, defendan (perayu) disabitkan bersalah merogol anak perempuannya yang ketika itu berusia 14 tahun atas dua pertuduhan; melakukan serangan seksual terhadap mangsa yang sama pada usia 15 tahun dengan melakukan perbuatan seksual ke atasnya dengan tiga pertuduhan; menyebabkan dia menonton video lucah pada satu kiraan; dan menyerangnya secara seksual dengan melakukan perkara tidak senonoh dengan satu tuduhan.

Dia juga didapati bersalah melakukan penderaan seksual terhadap anak perempuannya yang berusia 12 tahun atas satu pertuduhan dengan melakukan perbuatan seksual dan merogolnya atas dua tuduhan.

Peguam Bela, Ridzlan dan Peguam, Nuratikah Haji Omar yang mewakili defendan telah mencabar pendapat mahkamah untuk menjatuhkan hukuman bahawa hukuman itu adalah keterlaluan memandangkan defendan merupakan pesalah pertama.

'10 kesalahan berasingan itu dilakukan oleh defendan dalam tempoh kira-kira tiga tahun (antara tahun 2017 hingga 2019) terhadap dua anak perempuannya yang masih kecil di rumah keluarga itu dan terdapat tahap kejutan yang mendalam atas tindakannya itu,' namun akhirnya mahkamah menolak rayuan itu.

# Pembatalan pembebasan : Kesilapan dalam membuat keputusan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Mahkamah Rayuan pada Sabtu lepas telah membatalkan pembebasan seorang Guru Ugama daripada tuduhan serangan seksual selepas mendapati ada kesilapan dalam membuat keputusan Mahkamah Perantaraan.

Mohammad Ali Yusni bin Haji Bujang akan dijatuhkan hukuman pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Perantaraan selepas Mahkamah Rayuan mendapati hakim telah tersalah arah semasa membuat keputusan.

Dalam keputusan pada 11 November yang dibuat oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon yang bersidang dengan Hakim Michael Peter Burrell dan Conrad Seagroatt secara berkesan meletakkan sabitan menggantikan pembebasan itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suriana binti Haji Radin memohon pembalikan itu selepas Mahkamah Perantaraan telah membebaskan Mohammad Ali Yusni daripada pertuduhan mencabul kehormatan seorang murid perempuan berusia 12 tahun dengan menggunakan kekerasan jenayah pada 26 Oktober 2021.

Mahkamah Rayuan meneliti keputusan Mahkamah Perantaraan berdasarkan ketiadaan kekerasan jenayah.

Selain mencari kesilapan dalam membuat keputusan mengenai teknikal, Mahkamah Rayuan mendapati Mohammad Ali Yusni telah 'tidak boleh dipertikaikan dalam memegang amanah dan hakikat bahawa mangsa mempunyai beberapa bentuk atau tahap perasaan suka menyebabkannya (mangsa) terdedah kepada kecenderungan seorang lelaki yang jauh lebih tua dan mengambil kesempatan untuk kelakuan seksual yang menyalahi undang-undang'.

Hakim Mahkamah Rayuan yang terdiri daripada tiga anggota itu menekankan bahawa mangsa berada dalam kecenderungan yang agak pasif yang memudahkannya (Mohammad Ali Yusni) untuk menggunakan tindakan kekerasan yang minimum untuk menyerang mangsa secara seksual dan terdapat bukti yang jelas mengenainya.

# Rompakan berkumpulan didakwa

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 November. - Sekumpulan lima lelaki didakwa melakukan rompakan berkumpulan.

Hakim Dayangku Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun dan 12 kali sebatan terhadap defendan, Sardini bin Mohd. Salleh, 44 tahun manakala defendan, Mohammad Madani bin Abdullah Lai@Lai Chung Sien, 42 tahun dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan 12 kali sebatan setelah mengaku bersalah merompak seutas rantai emas dan BND3,000 daripada seorang lelaki warga asing berusia 45 tahun.

Pada 21 Mac, defendan telah melakukan kesalahan hingga menyebabkan ketakutan kepada mangsa sehingga membawa hukuman penjara maksimum 30 tahun dengan minimum 12 sebatan.

# Cabul rakan : Dipenjara 21 bulan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 November. - Mahkamah Rayuan masih mengekalkan hukuman penjara 21 bulan kepada seorang doktor swasta yang mengambil kesempatan ke atas seorang rakan wanita dengan mencabulnya.

Tiada hukuman sebat dikenakan ke atas Dr. Matthew Tan kerana usianya yang lebih 50 tahun.

Hakim Muhammed Faisal bin PDJLD Kol. (B) DSP Haji Kefli menyabitkan defendan bersalah kerana mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan kes di luar keraguan munasabah, terutamanya berdasarkan kepada keterangan mangsa.

Mahkamah juga tidak percaya versi perubahan kejadian defendan selepas mendapati ketidakkonsistenan dalam pembelaannya jika dibandingkan dengan kenyataannya kepada polis.

Dalam kes tersebut defendan menunjukkan defendan telah menjemput mangsa berusia 49 tahun dan anak perempuannya untuk menyertainya bersama rakan-rakan lelaki defendan bagi makan tengah hari Easter di sebuah tempat.

Setelah makan tengah hari bersama, defendan dan rakan-rakannya pergi ke rumah mangsa di mana mereka dihidangkan minuman. Tidak lama selepas itu, anak perempuan mangsa pergi ke rumah neneknya, meninggalkan ibu dan tetamunya.

Pada malam tersebut, mangsa menyediakan makanan di dapur apabila rakan-rakan defendan hendak pulang ke rumah masing-masing.

Setelah mereka mengucapkan selamat tinggal, mangsa kali terakhir teringat defendan juga ingin pergi semasa dia melihat defendan membuat isyarat kepada rakan-rakannya.

Mangsa hanya teringat dengan jelas kali terakhirnya berada di pintu. Peristiwa berikut yang diceritakan oleh mangsa hanya apabila dia sedar dan hanya dapat mengingati kejadian malam itu, ketika dia dicabul.

Keesokan paginya, mangsa terjaga apabila menerima mesej WhatsApp daripada defendan bahawa dia telah membawa keretanya dan akan memulangkannya menjelang tengah hari.

Mangsa membalas dengan mesej mengatakan dia berhasrat untuk membuat laporan polis. Defendan akhirnya memulangkan kereta mangsa dan menghantar mesej teks kepadanya untuk bertanya sama ada dia ada tertinggal cermin matanya.

Mangsa tidak menjawab selepas memberitahu dia mahu membuat laporan polis. Mangsa tidak memfailkan laporan itu kerana dia tidak sihat dan takut untuk berbuat demikian selepas teringat yang defendan mendakwa mempunyai hubungan dengan orang berpengaruh.

Kejadian itu hanya terbongkar apabila mangsa berjumpa seorang doktor dan memberitahunya. Doktor kemudiannya memberitahu tentang mangsa dan pengalaman pahitnya kepada Polis CID, yang akhirnya mendorong siasatan dijalankan.

Defendan, yang diwakili Peguam Bela, Ahmad Basuni Abbas dari Tetuan Abrahams Davidson and Company menafikan dakwaan yang dibuat oleh mangsa dan berhujah dia mungkin berhalusinasi dan mungkin bermotifkan kewangan untuk menuntut pampasan daripada dakwaan sedemikian.

Mahkamah juga mendapati kenyataan defendan kepada polis tidak konsisten dengan pembelaannya. Defendan mendakwa dia tidak ingat semuanya dengan jelas kerana dia dalam keadaan yang mabuk.



**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4**
**(BND3,880 - BND4,240)**

**Bagi Daerah Temburong**

**Penghulu Mukim Zon 2**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di **Mukim Bokok dan Mukim Amo, Daerah Temburong** untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Zon 2** di Daerah Temburong.

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran,**
**Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung**
**Jabatan Daerah Temburong**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu,15 Rejab 1445 bersamaan 27 Januari 2024, Jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

**Mukim-Mukim Tadahan Jawatan Kosong Bagi Penghulu Mukim Zon 2, Daerah Temburong :**

**Mukim Bokok & Mukim Amo**

---

**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I**
**PMKK.3**
**(BND2,270 - BND4,240)**
**atau**
**Ketua Kampung Tingkat II**
**PMKK.2**
**(BND1,990 - BND2,970)**
**atau**
**Ketua Kampung Tingkat III**
**PMKK.1**
**(BND1,280 - BND2,270)**

**bagi**

**Daerah Temburong**

**1. Kampung Belingos, Mukim Bangar**
**2. Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo**
**3. Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung yang tersenarai di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran,**
**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Temburong**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 15 Rejab 1445 bersamaan 27 Januari 2024, Jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong**

**1. Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar**

**Kampung Belingos**
**Pekan Bangar**
**Kampung Subok**
**Kampung Bang Bulan**
**Kampung Lagau**
**Kampung Piungan**

**2. Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo**

**Kampung Selangan**
**Kampung Parit**
**Kampung Sibulu**
**Kampung Biang Menengah**
**Kampung Belaban**

**3. Ketua Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi**

**Kampung Selapon**
**Kampung Lamaling**
**Kampung Sekurop**
**Kampung Rebada**
**Kampung Simbatang**

---

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga :**
(101) INFO / PK / K / 7
(2023-2024)

**Tajuk Sebut Harga :**
**The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Network Attached Storage (NAS) Bundled System**

**Yuran :**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 28 November 2023, Jam 8.30 Pagi**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan Kosong Di**
**OIC Department of Humanitarian Affairs, Kingdom of Saudi Arabia**

**JAWATAN**
**Director (Humanitarian Affairs) - OIC Department of Humanitarian Affairs**

**Tarikh Tutup :**
**30 November 2023.**

**Untuk makluman, pemohon - pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus permohonan dan *curriculum vitae* melalui e-mel : *vacancy@oic-oci.org***

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penggera Keselamatan**

**1. Bilangan Sebut Harga :**
**DA / JKSH / 155 / 2023 / 2024 [AKS-NOV-2023]**

**Keterangan :**
**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi :**
**Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah**
**Tempoh Perkhidmatan :**
**60 Bulan**

**2. Bilangan Sebut Harga :**
**DA / JKSH / 156 / 2023 / 2024 [AKS-NOV-2023]**

**Keterangan :**
**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi :**
**Sekolah Rendah Anggerek Desa**
**Tempoh Perkhidmatan :**
**60 Bulan**

**3. Bilangan Sebut Harga :**
**DA / JKSH / 157 / 2023 / 2024 [AKS-NOV-2023]**

**Keterangan :**
**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi :**
**Sekolah Rendah Beribi, Telanai**
**Tempoh Perkhidmatan :**
**60 Bulan**

**Kategori :**
**Syarikat-Syarikat Yang Diterima Adalah Syarikat-Syarikat Yang Berdaftar Di Bawah Kawalan Bahagian Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan (BPAPK), Pasukan Polis Diraja Brunei**

**Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :**
**BND5.00**
**[Bayaran Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]**

**Tarikh Tutup dan Waktu :**
**Sabtu, 9 Disember 2023.**
**[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Dan Tajuk Tawaran :**
**MINDEF / DFA / FY2023 / LB / TA / 026**
**Pembelian Alat Kelengkapan Tempat Tidur Bagi Tentera Darat Diraja Brunei**

**Yuran Tawaran :**
**BND10.00**
**(Tidak dikembalikan)**

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Disember 2023.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 19 Disember 2023**
**Jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 185 / 23-24**
**Renovation Works At Radio Television Brunei Tutong Barracks No.2 At Jalan Abdul Ghani**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 186 / 23-24**
**Supply And Install HI RIB Roof For Centre For Broadcasting Development Block, Radio Television Brunei Madang.**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 187 / 23-24**
**Renovation Offices For Unit Binaan At Radio Television Brunei Berakas.**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan)**
**(Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**6 Disember 2023,**
**jam 2.00 Petang**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Tawaran :**
**15 / KKBS / HK40-2024**

**Tajuk Tawaran :**
**Pakaian Peserta-Peserta Orkestra Tradisional, Koir, Prolog, Tujuh Puak Serta Ikrar dan Takbir Bagi Acara Persembahan Padang Upacara Perhimpunan Agung Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-40, 2024**

**Bilangan Tawaran :**
**16 / KKBS / HK40-2024**

**Tajuk Tawaran:**
**Pakaian Peserta-Peserta Human LED Bagi Acara Persembahan Padang Upacara Perhimpunan Agung Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-40, 2024**

**Bilangan Tawaran :**
**17 / KKBS / HK40-2024**

**Tajuk Tawaran :**
**Pakaian Peserta-Peserta Core Group Bagi Acara Persembahan Padang Upacara Perhimpunan Agung Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-40, 2024**

**Tarikh Tutup :**
**Tidak lewat Selasa, 12 Disember 2023, jam 2.00 Petang.**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL / P012B / 1063 / 09-2023**

**Kes Induk :**
**BM / MTS / MAL-D / P001B / 1437 / 08-2023**

**Antara**

**Jupry bin Haji Sabtu @ Haji Kamat - Plaintif / Pemohon**

Dan

**Siti Nur Khairunnisa binti Abdullah Jelai - Defendan / Responden**

**Kepada : Siti Nur Khairunnisa binti Abdullah Jelai, No. Kad Pengenalan : 31-013538 [Kuning], Beralamat [Alamat Terakhir] : Barek 292 / 6A, Jalan Maharaja Setia, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syar'ie kamu di hadapan **Mahkamah Tinggi Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada Selasa, 5 Disember 2023M pada jam 9.00 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh **pemohon yang dinamakan di atas, bagi Permohonan Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam.**

**Sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada **Plaintif** suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**22 Rabiulakhir 1445H / 6 November 2023M**

**Meterai**
**Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 189 / 23-24**
**Rental Of 45-Seater Bus For Royal Wedding 2024**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 6 Disember 2023, jam 2.00 Petang**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 184 / 23-24**
**Supply And Delivery Of Servers (Hardware And Software) For RTB TV Scheduling System**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 6 Disember 2023, jam 2.00 Petang**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 188 / 23-24**
**Supply, Deliver, Install, Testing & Commissioning Of 15kVA Uninterrupted Power Supply (UPS) For IT Server & Archive TV**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 6 Disember 2023, jam 2.00 Petang**




**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 176 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre : Animated Movie / Film - Adventure, Action, Humor, Sci-Fi, Inspirational**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 177 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre : Asean Drama (Philippines, Thailand, Singapore) English Language - Romance, Family, Inspirational**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 178 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre: Disney Movie - Disney Live Action**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 179 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre: English Blockbuster Movie / Film - Romance, Family, Inspirational, Investigation, Action, Sci-Fi**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 180 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre: English Telemovie - Romance, Family, Inspirational, Investigation, Action**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 181 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre : Magazines (Children) - Technology / Human Interest / Educational / Competition**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 182 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre : Documentary (Holiday Special) - History / Human Interest / Science / Places**

**Bilangan & Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 183 / 23-24**
**Pembelian Rancangan Luar Negeri**
**Genre: International Movie (Turkish, Korea, Chinese) - Romance, Family, Inspirational, Comedy**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (tidak dikembalikan) (termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 6 Disember 2023, jam 2.00 Petang**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 40 / 2022**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Noorzurianawati binti Awg Jaberi (01-067388)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Noorzurianawati binti Awg Jaberi**
**No 190, Simpang 194, Jalan Wasai Limuru, Muara, BT2728,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**12 April 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**12 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Jun 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 4 Disember 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Disember 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**12 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 104 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Hajah Halimah binti Haji Jalil (00-259116)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Hajah Halimah binti Haji Jalil**
**No 11A, Simpang 482-34, Kampong Pelambayan, Jalan Kota Batu, BD2317,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**27 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**12 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 10 Januari 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Januari 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**12 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 152 / 2023**

**Wong Piang Yow (500902-01-5043 : Malaysian IC No)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ng Kinn Siong (631103-13-5129 : Malaysian IC No)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Ogos 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Ng Kinn Siong**
**No 519, Kampung Beribi, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, BE1118,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**5 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**16 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 Ogos 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 10 Januari 2024, jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Januari 2024, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**16 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 48 / 2022**

**Chen Kim Siong**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Chen Weng Khiong (30-080588)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Chen Weng Kiong**
**Leong Fatt Heng Stall, No 24, Kompleks Sri Selera, Seria, Kuala Belait,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**14 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**9 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 10 Januari 2024, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Januari 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**9 November 2023**

**Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

---

e-lektrik

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**JPE / LTK / PDP / 069 / 2023**

**Tajuk Tawaran :**
**Penyewaan Kereta Bagi Menjalankan Tugas Operasi Selama (24) Dua Puluh Empat Bulan (Recall) Cable**

**Harga Dokumen :**
**BND30.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 5 Disember 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

**Tempat Tutup :**
**Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BB3913, Negara Brunei Darussalam.**

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Notis**
**Invitation For Expression Of Interest (EOI) To Design, Build, Finance, Operate and Maintain A Layby Development On Government Land At Kampung Ikas, Mukim Keriam**

**Tarikh Penting :**

- **Tarikh penerimaan EOI dibuka:**
  **20 November 2023 (Isnin)**
- **Hari Perkongsian Maklumat EOI :**
  **16 Disember 2023 (Sabtu)**
- **Tarikh penerimaan EOI ditutup:**
  **26 Disember 2023 (Selasa) sebelum jam 2.00 Petang.**

Sebarang EOI yang dihadapkan lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak diterima.

# IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang hadir pada Majlis Forum BEST (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) Tahun 2023 di Dewan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SALAH sebuah pasukan yang menyertai Pertandingan Qiraat Zikir dan Selawat Sekolah Rendah dan Menengah Senegara dan Pertandingan Dikir Syarafil Anam Sekolah Rendah Senegara bagi Tahun 1445H / 2023M peringkat akhir di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Airport Lama. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

PERSEMBAHAN pentas daripada pelajar Sekolah Al-Falaah semasa Majlis Ihtifaal Penutup Akhir Tahun 2023 Masihi / 1445 Hijrah dengan meraikan graduan dan pelajar cemerlang dari sekolah tersebut. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

SEBAHAGIAN peserta memulakan Fun Walk bersempena dengan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, Biro Kawalan Narkotik dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

ANTARA aksi perlawanan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

# KAPAL PERSIAR NORWEGIAN JEWEL SINGGAH KE NBD

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman






**KETIBAAN kapal persiar Norwegian Jewel yang berlabuh singgah ke Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).**

**MUARA,** Ahad, 26 November. - Pusat Kapal Persiar (Cruise Ship Centre), Pelabuhan Muara sekali lagi mengalu-alukan ketibaan kapal persiar Norwegian Jewel yang berlabuh singgah ke Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Norwegian Jewel yang memulakan pelayarannya dari Thailand itu membawa jumlah keseluruhan seramai 2,403 penumpang dan 1,035 anak kapal.

Ketibaan kapal tersebut buat kali kedua setelah berlabuh buat kali pertamanya di negara ini pada 6 November lepas menandakan satu peristiwa penting bagi industri pelancongan NBD yang menawarkan peluang kepada para pelancong untuk meneroka keindahan dan budaya negara.

Penumpang yang menaiki Norwegian Jewel ditawarkan lawatan eksklusif ke beberapa destinasi ikonik di negara ini termasuk Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara dan Istana Nurul Iman.

Jam Villensteen, seorang penumpang dari Denmark ketika ditemui berkata bahawa beliau berasa teruja untuk bertemu dan bercakap dengan penduduk tempatan menyatakan bahawa orang yang ditemuinya setakat ini adalah mesra dan ramah.

NBD juga bersedia untuk mengalu-alukan kapal persiaran tahun ini, di mana satu lagi pelayaran Norwegian Jewel dijadualkan belayar singgah ke perairan NBD pada 4 Disember 2023 dan ini akan menjadi pelayaran terakhir yang akan tiba di NBD pada tahun ini.



**JAM Villensteen, seorang penumpang dari Denmark, berasa teruja bertemu dengan penduduk tempatan yang menurutnya mesra dan ramah.**



# 108 PELAJAR CEMERLANG YSHHB DIRAIKAN




**PARA pelajar Sekolah Rendah YSHHB menerima sijil dan hadiah masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Pengerusi PIBG Sekolah YSHHB, Dayang Hajah Suciyati binti Haji Sulaiman.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 November. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Pelajar-pelajar Terbaik Tahun 1 Hingga Tahun 5 (2023) sekolah berkenaan yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah YSHHB, Jalan Kebangsaan, di sini.

Seramai 108 pelajar Tahun 1 hingga 5 Sekolah Rendah YSHHB menerima sijil dan hadiah masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Pengerusi PIBG Sekolah YSHHB, Dayang Hajah Suciyati binti Haji Sulaiman.

Manakala seramai lima orang pelajar telah dianugerahkan 'The Best Student Year 1-5 2023' bagi pelajar terbaik setiap peringkat di sepanjang tahun pengajian mereka dan seramai lima orang pelajar lagi menerima 'Renaissance Highest Star Score Year 1-5' iaitu penerima sijil dan hadiah ujian penilaian digital Star Assessment Renaissance.

Sementara itu, seramai lima orang pelajar iaitu setiap seorang dari Tahun 1 hingga 5 menerima 'Special Progressive Award 2023' iaitu anugerah yang khusus diberikan kepada pelajar yang dibantu pembelajaran dalam mata pelajaran yang mereka kurang kuasai pada awalnya iaitu Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sehingga pelajar tersebut mencapai kejayaan yang membanggakan.

Melaluinya, pelajar dibantu secara 'Learning Support Centre (LSC)' dengan menggunakan strategi *pull out system* yang konsisten dari awal tahun lagi dan seorang pelajar dari setiap peringkat yang menunjukkan peningkatan pencapaian akademik yang paling tinggi adalah penerima anugerah berkenaan.

Terdahulu dalam majlis tersebut, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi dalam ucapan alu-aluannya melahirkan rasa bangga kepada pelajar-pelajar yang telah lulus dengan cemerlang pada Peperiksaan Akhir Tahun 2023. Lebih dari 90 peratus pelajar lulus dalam empat mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, English, Science dan MIB bagi Tahun 1 hingga 5.

Beliau juga mengongsikan antara salah satu strategi yang telah dijalankan untuk meningkatkan pencapaian matematik ialah dengan mengadakan ujian sifir kepada semua pelajar pada pertengahan dan akhir tahun.

"Kemahiran Sifir adalah sangat penting untuk pelajar dapat menjawab soalan Mental Maths atau MCT yang menyumbang markah 10 peratus dalam PSR dan pelajar seawal Tahun 2 sudah dilatih dengan MCT, dan pihak sekolah akan terus mengatur strategi-strategi yang lain untuk meningkatkan keputusan matematik ini," katanya.

Di samping itu tambahnya, pihak sekolah juga sangat peka akan kemajuan literasi murid Tahun 1 yang memasuki sekolah berkenaan yang mana tahap bacaan telah dianalisis untuk memastikan semua pelajar kompeten dalam membaca dan membuat fahaman, dan Whole School Reading Approach telah diperkenalkan pada awal tahun dan kemajuannya sentiasa dipantau.

Selain kecemerlangan akademik, fokus utama sekolah juga adalah menitikberatkan pembangunan karakter pelajar dengan menyertai, mengikuti serta menganjurkan pelbagai aktiviti dan pertandingan antaranya Larian Rentas Desa dan Sukan Tahunan; Majlis Hari Raya; Pertandingan Festival Renang Sekolah-sekolah Rendah dan Swasta Senegara anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum; Pertandingan Mari Bercerita; Pertandingan Deklamasi Sajak anjuran DBP.

Sekolah berkenaan juga pernah mengikuti Pertandingan Lukisan Antarabangsa (The 54th World School's Children Art Exhibition 2023 Republic of China); Peraduan Kaligrafi Jawi Sekolah Rendah Senegara 2023; Pertandingan Menulis Karangan anjuran 'The Reading and Literacy Association'; Festival Juara-juara Aktiviti Kesenian bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-maktab Senegara 2023; Persembahan Pencak Silat; serta Pertandingan Celik Biz penyertaan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC).

"Dalam bidang ICT pula, pelajar seawal Tahun 1 telah belajar Coding dan insyaAllah akan dikembangluaskan lagi dengan penggunaan *brainpad* dan Internet of Things iaitu pelajar akan belajar pelbagai *programming* seperti *gaming* dan *robotics*, *smart home*, *smart agriculture* dan sebagainya," terang Pengetua lagi.

Majlis juga turut dimeriahkan dengan Persembahan Tarian Adai-Adai dan Persembahan Silat.




## Latihan Keselamatan Bersepadu 27-28 November

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Keselamatan Bersepadu.

Latihan tersebut akan diadakan pada Isnin, 27 November 2023 hingga Selasa 28 November 2023 bermula jam 9.00 malam hingga 3.00 pagi, bertempat bermula dari kawasan hadapan Balai Bomba dan Penyelamat, Bandar Seri Begawan mengelilingi kawasan Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak berasa cemas di mana latihan dijalankan menggunakan bahan letupan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'**. Tarikh Tutup **: 29 November 2023**
2. **'Persiapan Belia Hadapi Cabaran Pekerjaan'**. Tarikh Tutup **: 6 Disember 2023**
3. **'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'**. Tarikh Tutup : **13 Disember 2023**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# Raih pelbagai ilmu, pengetahuan melalui Program Lawatan Media NBD ke RRC

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**PROGRAM** Lawatan Media Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China Tahun 2023 yang disertai oleh tujuh wakil media kerajaan dan swasta ke beberapa tempat-tempat bersejarah serta syarikat media di Beijing dan Shenzhen baru-baru ini memberi kesempatan dan pengetahuan berguna kepada para pemberita dari Negara Brunei Darussalam (NBD) menggali lebih banyak informasi yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Bahkan lawatan ke Beijing China dan Shenzhen ini juga turut memantapkan dan membawa hubungan dua hala kedua-dua negara ke tahap yang lebih tinggi, dipacu pula dengan kerjasama yang lebih mendalam dan bermakna dengan saling bertukar-tukar pandangan dan idea semasa lawatan dijalankan.

### Temu bual bersama wakil media NBD

"Meneroka syarikat media di Beijing dan Shenzhen, ia banyak mempamerkan kepelbagaian dan inovasi dalam landskap media China, kecanggihan dari segi kelengkapan mereka dalam mengendali bahan-bahan berita membuka mata kami semasa membuat lawatan ke beberapa agensi-agensi media di China. Kita dapat melihat integrasi media tradisional dan digital yang digabungkan menjadi satu dan ini membantu syarikat media tersebut untuk mengetahui perspektif pembaca dan juga penonton akan kebolehsesuaian serta keperluan yang lebih diminati oleh pembaca dan penonton itu sendiri," terang Ketua Delegasi Program Lawatan Media Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China Tahun 2023, Lim Kim Dien, Ketua Penyelidikan dan Perkembangan, Radio Televisyen Brunei semasa ditemu bual oleh wakil media Jabatan Penerangan.

Tambahnya, semasa mengadakan lawatan ke Beijing, pertemuan dengan penyiar utama dan pengeluar kandungan bahan berita jelas menggambarkan gabungan warisan budaya dan contoh penceritaan moden seperti wawancara *podcast* dan sebagainya. Semasa di Shenzhen pula kami juga berkesempatan berkunjung ke beberapa syarikat media yang dipacu dengan teknologi moden yang membuktikan Shenzhen dalam arena media lebih membentuk pada masa depan yang canggih dengan teknologi yang maju dan terkini.

"Secara menyeluruh, jelas memberikan kami pengalaman dan pemahaman yang menyeluruh tentang evolusi media China daripada cara tradisional kepada inovasi digital termaju dan moden," terang Lim Kim Dien.

Wong Mei Ting, Radio Producer / Presenter di Pilihan Mandarin pula berkata sebagai media kerajaan, kita boleh belajar banyak perkara daripada China dan perkara yang saya lihat ialah mereka mencampurkan media tradisional dengan gaya media baharu yang lebih moden dan canggih seperti TikTok, media sosial dan aplikasi yang lebih memudahkan kepada pembaca dan penonton.

Tambahnya, mereka sangat proaktif dan ramai bakat muda yang begitu mahir dalam bidang teknologi baharu dan canggih, pada pandangan saya, untuk kita bergerak ke hadapan, kita di Negara Brunei Darussalam perlu perlahan-lahan mula menerima pakai masa depan yang lebih moden dengan gaya media baharu.

"Di kesempatan ini juga, saya dan wakil media yang menyertai program ini ingin mengucapkan rasa terima kasih yang begitu mendalam kepada Kedutaan China di Negara Brunei Darussalam atas segala kemudahan, perjalanan lawatan program dan juga layanan yang begitu mesra dan terima kasih juga kepada semua wakil dari setiap media di China dan tempat-tempat yang dilawati yang telah banyak memberikan bimbingan dan pengajaran serta informasi berguna sepanjang lawatan kami di Beijing, China dan Shenzhen yang menjadikan lawatan tersebut berjalan lancar," jelas Wong Mei Ting.

Sementara Thiann Kok Hua@Tom, Journalist dari United Daily News di Negara Brunei Darussalam, meluahkan rasa jutaan terima kasih kepada Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam kerana melalui program ini telah memberi kami banyak kesempatan dan peluang untuk menimba banyak pengetahuan mengenai media yang berkaitan dan mengetahui lebih lanjut tentang bagaimana persekitaran masyarakat di sini dan juga budaya kerja berserta kemajuan Negara China.

"Saya turut teruja sepanjang program lawatan dijalankan, ternyata China mempunyai begitu banyak tempat-tempat terkenal dan peninggalan tapak bersejarah di sebalik pembangunannya yang begitu pesat dan moden," terang Thiann Kok Hua.

Begitu juga Ong Dai Yuh, Chief Reporter Sin Chew Daily di Negara Brunei Darussalam, tidak ketinggalan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam kerana memberikan peluang kepadanya dan rakan-rakan media turut serta dalam program lawatan selama seminggu tersebut.

"Saya berasa amat gembira kerana berpeluang melawat ke tempat-tempat bersejarah seperti Forbidden City, Great Wall of China dan Summer Palace yang menampilkan keunikan sejarah yang begitu menarik perhatian setiap pengunjung. Di sini saya boleh mengetahui lebih mendalam lagi kisah sejarah setiap tempat yang dikunjungi. Ibarat pepatah Cina berkata "Melancong beribu-ribu batu lebih baik daripada membaca ribuan buku" ini bermakna kita boleh belajar lebih banyak dengan mengembara ke sesuatu tempat berbanding membaca tentangnya di buku," ujar Ong Dai Yuh.

Sepanjang program lawatan, kami berpeluang melawat ke Institut Media seperti People's Daily dan CGTN dan dapat memahami perkembangan terkini media baharu berkaitan dengan kerja harian kewartawanan dan penulisan.

"Apa yang lebih mengagumkan semasa lawatan ke Huawei di Shenzhen, kami dapat melihat kesungguhan Huawei dalam penyelidikan teknologi, menunjukkan kecenderungan menggunakan teknologi untuk menambahbaik kehidupan manusia, terima kasih kerana memberikan kesempatan mengadakan lawatan ke Huawei. Kesungguhan para pegawai dari Kerajaan China membolehkan perjalanan kami begitu lancar dan bermanfaat," tambah Ong Dai Yuh.

Begitu juga dengan Chai Yung Chou, Chief Reporter of See Hua Daily News Brunei yang begitu terkesan dengan program lawatan dijalankan.

"Program yang dianjurkan banyak memberikan pengetahuan amat berguna untuk kami sebagai media penulis terutama sekali semasa mengadakan lawatan ke sektor-sektor media di Beijing dan Shenzhen terutama sekali semasa lawatan ke Xinhua News Agensi yang beribu pejabat di Beijing dan mempunyai pejabat di seluruh dunia. Ianya merupakan agensi berita Xinhua rasmi Republik Rakyat China yang mempunyai portal mudah alih berbahasa Inggeris, Aplikasi Berita Xinhua, menggabungkan kekuatan pelaporan agensi dengan teknologi digital terkini. Aplikasi ini akan "menghubungkan China ke dunia," mengemas kini pengguna dengan pelaporan sepanjang masa, dan melaporkan hal ehwal dunia secara komprehensif, tepat pada masa dan objektifnya. Melalui program ini kami juga berkesempatan berkunjung ke kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak, Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, seterusnya berkenalan dengan lebih erat bersama Tuan Yang Terutama berserta para pegawai yang bertugas di kedutaan tersebut," tambah Chai Yung Chou.

### Kunjungan ke Seri Brunei, Kedutaan NBD di Beijing, China

Pada program berlangsung, kami berkesempatan berkunjung ke Seri Brunei iaitu kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

Di sini kami para media berpeluang berinteraksi bersama Tuan Yang Terutama sambil disajikan dengan jamuan minum petang di samping berkongsi pandangan serta pendapat mengenai dengan keindahan Beijing, China.

### Perjumpaan bersama People's Daily, Deputy Editor-in-Chief

Selain itu, semasa perjumpaan bersama People's Daily, Deputy Editor-in-Chief, Fang Jiangshan, beliau menjelaskan melalui pertemuan dan program lawatan ini juga, beliau berharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan sesama media China dan juga Negara Brunei Darussalam selain bertukar-tukar idea juga pandangan dari segi skop kewartawanan dan pemberitaan ke dua-dua negara. Tambahnya, ini juga membolehkan kami media dari NBD melihat dan mengetahui secara lebih dekat lagi pergerakan kerja para media di Negara China di samping menyaksikan peralatan-peralatan terkini yang digunakan oleh media China dalam melaksanakan tugasan mereka.

### Lawatan ke Huawei Technologies Co. Ltd.

Selain kami berkesempatan berkunjung ke tempat-tempat media China, kami juga dibawa ke Syarikat Huawei iaitu salah sebuah syarikat terkenal di China dengan perusahaan teknologi Cina yang mendunia bahkan juga telah menguasai di banyak negara luar. Huawei Technologies Co. Ltd. adalah sebuah perusahaan teknologi multinasional China yang menyediakan peralatan telekomunikasi dan menjual barang elektronik, *smartphone* dan beribu pejabat Shenzhen, Guangdong.

### Pusat Kewangan Ping An ke-4 tertinggi dunia

Semasa di Shenzhen, kami juga berpeluang berkunjung ke salah sebuah pusat Kewangan Ping An, yang merupakan gedung tertinggi keempat di dunia yang berpusat di kawasan perniagaan Futian, Shenzhen, China setinggi 115 lantai; 599 meter (1.965 kaki). Ianya dibina pada tahun 2010 dan selesai dibina pada tahun 2017 dan menjadi bangunan tertinggi di Shenzhen, bangunan tertinggi ke-2 di China dan ke-4 di dunia. Sebagai bangunan tertinggi keempat, Ping An Finance Center berada di bawah Makkah Royal Clock Tower (601 meter), Menara Shanghai (632 meter) dan Burj Khalifa di Dubai (828 meter). Bangunan yang berbentuk meruncing di bahagian atas tersebut berfungsi untuk mengurangi dampak tekanan angin hingga 40 peratus.

Kesimpulannya, dengan adanya Program Lawatan Media Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China Tahun 2023, ianya memberikan peluang yang besar dan terbuka kepada kami para pengamal media untuk menimba ilmu dan juga pengalaman berfaedah untuk diguna pakai dalam bidang masing-masing selain berpeluang mengetahui khazanah sejarah yang terdapat di Negara China.





# Anak merupakan kurnia, anugerah terbesar daripada Allah Subhanahu Wata'ala

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**KANAK-**kanak merupakan aset yang sangat berharga kepada negara. Tanggungjawab dalam mendidik dan menjaga mereka amatlah penting kerana mereka adalah penentu hala tuju dan masa depan bagi sesebuah negara. Kanak-kanak perlu dicorak dengan sebaik-baiknya agar menjadi generasi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang. Setiap kanak-kanak berhak mempunyai masa depan yang lebih baik dan terjamin. Justeru itu, ibu bapa atau penjaga memainkan peranan penting dalam mendidik dan memberi kasih sayang sepenuhnya kepada mereka.

### Hari Kanak-kanak Sedunia

Setiap tahun pada 20 November merupakan hari di mana seluruh dunia akan mengadakan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD). Hari tersebut khusus diraikan untuk kanak-kanak tanpa mengira latar belakang, ugama, budaya dan sebagainya. Selain itu, ia juga disambut untuk memperingati United Nations Convention on the Rights of the Child di mana setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi yang harus dihormati dan dipelihara.

Tahun ini merupakan kali Ke-17 NBD dan Negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meraikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia dengan bertemakan 'Inclusion, For Every Child' atau 'Penyertaan, Untuk Setiap Kanak-kanak'. Tema ini memfokuskan ke arah penglibatan kanak-kanak agar mereka berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam setiap aspek kehidupan mereka.

Tema ini juga menekankan keperluan untuk memastikan setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kelainan upaya, tanpa mengira latar belakang, kebolehan atau keadaan adalah diiktiraf, dihargai, dan diberi peluang yang sama untuk berkembang maju.

Dalam petikan perutusan sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia tahun 2023, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad menyatakan Hari Kanak-kanak Sedunia merupakan platform untuk meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh ramai kanak-kanak, termasuk mereka yang menghadapi kesukaran dalam pelajaran, mereka yang berkelainan upaya, yang hidup dalam kemiskinan, yang terjerat dalam isu-isu sosial dan masalah keluarga.

### Ibu bapa atau penjaga berperanan penting dalam mendidik anak

Sementara itu, memetik daripada Khutbah Jumaat, 25 November 2023, "Antara tanggungjawab yang wajib dipikul oleh kedua-dua ibu bapa atau penjaga ialah mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang baik dan sempurna. Sekiranya hasil didikan menjadikan anak itu seorang anak yang soleh, maka ibu bapa juga turut mendapatkan pahala dan sebaliknya jika didikan yang diberi tidak sempurna maka ibu bapa yang akan menanggung sama akibatnya di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala kelak".

Oleh sebab itu, agama kita menganjurkan ibu bapa supaya memastikan anak-anak mereka menerima dan mendapat pendidikan yang sempurna terutamanya pendidikan agama agar mereka menjadi insan yang berpekerti baik dan berakhlak mulia.

Tugas mendidik anak-anak bukanlah suatu hal yang mudah dan boleh dipandang ringan. Lebih-lebih lagi pada zaman sekarang ini kanak-kanak mudah terpengaruh dengan isu-isu sosial yang agak sukar dikawal oleh ibu bapa. Jadi, ibu bapa atau penjaga janganlah cuai dan lalai dalam memberi perhatian kepada anak-anak mereka kerana dikhuatiri anak-anak ini akan terjebak dengan gejala negatif atau kegiatan yang kurang bermoral yang menyalahi agama Islam serta melanggar adat dan tatasusila dan juga undang-undang negara.

Selain itu, anak-anak juga perlu diberi pendidikan yang sempurna dan seimbang antara duniawi dan ukhrawi kerana tanpa ilmu pengetahuan kita tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Ibu bapa atau penjaga hendaklah sentiasa peka dan mengambil berat akan emosi, mental dan juga fizikal anak-anak mereka.

### Penyalaan lampu sempena Hari Kanak-kanak Sedunia

Bersempena dengan Hari Kanak-kanak Sedunia ini juga, beberapa acara dan aktiviti telah pun dirancang dan disusun bagi sambutan ini. Selain daripada Doa Kesyukuran dan Doa Selamat yang disertai dengan Doa Qunut Nazilah bagi mendoakan keselamatan umat Islam di Palestin, penyalaan lampu berwarna biru, hijau, merah dan putih pada Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) juga diadakan sebagai usaha menyokong Hari Kanak-kanak Sedunia.

Warna biru dipilih sebagai lambang Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia bersempena dengan warna rasmi United Nations Children's Fund (UNICEF). Manakala, warna hijau, merah dan putih dipilih sebagai lambang keprihatinan dan solidariti rakyat dan penduduk negara ini terhadap penderitaan rakyat Palestin khususnya bagi mengenang nasib kanak-kanak yang telah terkorban dan kehilangan keluarga tersayang, di samping menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin.

### Penutup

Dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia ini, janganlah kita lupa akan saudara kita yang berada di Gaza, Palestin yang menjadi mangsa serangan rejim Israel sejak 7 Oktober 2023 yang juga melibatkan banyak korban nyawa termasuk kanak-kanak yang tidak berdosa. Marilah kita sama-sama mendoakan akan kesejahteraan mereka dan semoga mereka sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan didikan yang seimbang, duniawi dan ukhrawi akan dapat membentuk kanak-kanak menjadi insan yang berjaya dan mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pembangunan untuk masa depan generasi seterusnya. Bimbing dan pantau mereka agar penglibatan mereka mendapat pengiktirafan dan menjadi kebanggaan negara.



# PELAJAR TAHUN 11 SM SMJA DIRAIKAN





SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop (atas, kiri dan bawah).

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam**

**SERUSOP**, Sabtu, 25 November. – Pelajar-pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) yang beragama Islam hari ini diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Majlis Khatam Al-Quran ini merupakan aktiviti tahunan SM SMJA yang lazimnya diadakan selepas para pelajar menduduki Peperiksaan BC GCSE 'O' Level yang diungkayahkan oleh Jabatan Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Arab berserta guru-guru dan kakitangan SM SMJA.

Ianya juga melibatkan beberapa orang pelajar dari Tahun 9 dan 10 yang ditugaskan selaku juru acara, pengawas *slide*, pembaca Dikir Marhaban dan bacaan Takhtim.

Matlamat majlis tersebut adalah kesinambungan daripada pelajaran Al-Quran yang dijalankan satu *period* setiap minggu pada sesi persekolahan bermula sewaktu mereka di Tahun 9.

Pada masa yang sama, ia bertujuan supaya para pelajar dapat mendampingi Al-Quran, menerapkan pembacaan Al-Quran setiap hari dan memupuk minat mereka untuk mendalami Al-Quran.

Malah objektifnya untuk menarik minat para pelajar untuk membaca dan berusaha menghabiskan serta mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran di samping menanamkan minat pelajar dalam menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti keagamaan selain para pelajar berkeyakinan dengan bacaan mereka dan sentiasa berusaha untuk mendalami ilmu tajwid.



# Premis perniagaan didapati langgar Akta Sukatan dan Timbangan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**TUTONG**, Sabtu, 25 November. - Sebuah premis perniagaan didapati melanggar Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, manakala tiada kesalahan didapati di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 semasa pemeriksaan bersepadu bulanan yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Daerah Tutong, baru-baru ini.

Pemeriksaan bersepadu di antara JPES dan Unit SDT adalah merupakan aktiviti penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya, serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dalam usaha untuk membantu mempromosi persekitaran perniagaan yang beretika dan wajar dengan memastikan kepatuhan terhadap perundangan - perundangan berkenaan.




**PEMERIKSAAN bersepadu yang dijalankan oleh JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Daerah Tutong (kanan dan bawah kiri).**



Skop pemeriksaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya merangkumi pemeriksaan terhadap paparan tanda harga agar tanda harga dipamerkan dengan terang dan jelas serta pemeriksaan ke atas barangan yang dikawal harga di bawah Akta iaitu minyak masak, susu tepung formula anak damit dan barangan bersubsidi seperti beras dan gula.

Manakala, skop penguatkuasaan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 adalah bagi memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan kehendak akta dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Kesemua premis perniagaan yang diperiksa semasa lawatan bersepadu telah didapati mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu tidak menjual barangan yang dikawal harga di bawah Akta melebihi harga maksimum yang ditetapkan, serta mempamerkan tanda harga dengan betul dan jelas bagi barangan yang dijual dalam premis perniagaan.

Sementara itu, Unit SDT telah mengeluarkan satu Notis Penyitaan ke atas Syarikat Usaha Tasbih Mini Mart@Usaha Tasbih Pasar Raya kerana didapati menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh pendaftarannya.

Pihak syarikat adalah dikehendaki untuk hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut.

Dalam pada itu, JPES dan Unit SDT secara berterusan menasihatkan para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan wajar dengan sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi saluran-saluran rasmi iaitu Akta Kawalan Harga, Penggal 142 – Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi 'PenggunaBijak' dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel *sdt@mofe.gov.bn.*

# MAJLIS KEMUNCAK PROGRAM BEST



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi UNESCO bergambar ramai pada acara kemuncak Program BEST.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 November. - Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Kemuncak Program BEST (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) bagi Tahun 2023 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi UNESCO (Chair for the National Commission of Brunei Darussalam for UNESCO).



Acara dimulakan dengan sesi senamrobik beramai-ramai, diikuti dengan sesi penandatanganan Banner Program BEST. Pada acara tersebut juga diadakan aktiviti-aktiviti seperti pameran daripada sekolah-sekolah yang turut serta dan Pertandingan Amazing Race.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Amazing Race oleh Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abd. Ghafor selaku Pengerusi Bersama Program BEST.

Majlis ini dilaksanakan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah Termasuk Buli Siber, UNESCO.

**ACARA dimulakan dengan sesi senamrobik beramai-ramai, diikuti dengan sesi penandatanganan Banner Program BEST (kanan dan kiri).**

Program BEST adalah program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai usaha berterusan dalam menjana suasana persekitaran institusi pendidikan yang lebih positif dan selamat untuk pelajar-pelajar.

Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pelajar melalui penyebaran maklumat yang khusus untuk mendidik pelajar mengenal pasti tingkah laku yang dikategorikan sebagai buli dan memberi kesedaran akan bahaya dan kesan buli dalam kalangan pelajar.

Program ini juga diharapkan dapat membantu pelajar untuk sentiasa berdisplin, hormat-menghormati serta membentuk peribadi dan akhlak yang baik.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan serta pemimpin-pemimpin sekolah.

Terdahulu, acara Kemuncak Program BEST telah mengadakan Kuliah Subuh yang dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan Ahli Jawatankuasa Program BEST bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



# Memperkasa sifat kerjasama, semangat kesukarelawanan





**MAJLIS Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya mengadakan Sambutan Hari Keluarga bersempena Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Pantai Serasa yang diisikan dengan pelbagai aktiviti (atas dan kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**MUARA**, Ahad, 26 November. - Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) mengadakan Sambutan Hari Keluarga bersempena Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Pantai Serasa.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Di-Pertua MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Majlis tersebut antara lain bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara keluarga dan keluarga golongan Orang Berkeperluan Khas melalui Persatuan-persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bergabung dengan MKOKU dan meningkatkan semangat motivasi diri, berfikir akan potensi diri serta bersedia untuk menggunakan secara maksimum kebolehan diri, di samping memahami orang lain dan persekitaran.

Selain itu, majlis juga dihasrat untuk melukiskan gambaran positif kepada masyarakat dengan memberikan pengetahuan mengenai kebolehan dan sifat kekeluargaan di antara golongan kelainan upaya; serta memperkasa sifat kerjasama dan kesukarelawanan dengan mengikuti aktiviti yang telah disediakan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Ugama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Sanif bin Haji Tarip, disusuli dengan aktiviti senamrobik dan Beach Clean Up.

Sambutan turut dimeriahkan dengan pertandingan aktiviti-aktiviti sukan dan permainan serta cabutan tiket bertuah.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sambutan Hari Keluarga ini diselajurkan dengan Day of Action Campaign sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023.

Kira-kira 36 orang sukarelawan dari Universiti Brunei Darussalam menyertai acara tersebut, dan tidak ketinggalan juga sukarelawan dari Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Hari Keluarga ini turut sama-sama dijayakan dengan sokongan dari Makan Ceria Sendirian Berhad, Alumni SS79 MMPSBS/SS, HiTune Group of Company, IBIC Sendirian Berhad, Pasukan Askar Muda pengambilan ke-4 dan Restoran KAKA.

Turut hadir, Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU, Yang Dipertua-Yang Dipertua, dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan-persatuan OKU yang bergabung dengan MKOKU, serta keluarga ahli-ahli persatuan yang bergabung dengan MKOKU.

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# KEJOHANAN BADMINTON DI ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HPA TUTUP TIRAI




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang pada Kejohanan Badminton di antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-30 Tahun 2023.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TUTONG**, Ahad, 26 November. - Kejohanan Badminton di antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-30 Tahun 2023 melabuhkan tirainya hari ini selepas berlangsung selama empat hari bermula pada 19, 24, 25 dan 26 November 2023 bertempat di Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan perlawanan akhir kejohanan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Sebanyak 19 pasukan daripada kementerian-kementerian menyertai kejohanan berpasukan ini yang mempertandingkan sebanyak lima kategori iaitu Perseorangan Lelaki, Beregu Lelaki 'A' (Kategori B2 dan ke atas), Beregu Lelaki 'B' (Kategori Bahagian III dan ke bawah), Beregu Wanita 'A' (Kategori Bahagian III dan ke atas) dan Beregu Wanita 'B' (Kategori Bahagian IV dan ke bawah).

Pasukan Kementerian Pertahanan 'B' dinobatkan sebagai juara Kejohanan Badminton di antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan HPA Kali Ke-30 Tahun 2023 dengan merangkul hadiah berupa pingat, sijil penyertaan, piala dan wang tunai sebanyak BND800.

Juara juga membawa pulang Piala Pusingan yang disumbangkan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Kementerian Pembangunan 'A'. Naib juara menerima hadiah berupa pingat, sijil penyertaan, piala dan wang tunai sebanyak BND600.

Tempat ketiga bersama dimenangi oleh Pasukan JPM 'B' dan Pasukan Kementerian Kesihatan 'A' dengan masing-masing menerima hadiah berupa pingat, sijil penyertaan, piala dan wang tunai berjumlah BND200.

Selain itu juga johan bagi Tier 'B' dimenangi oleh Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama 'B' dan menerima hadiah-hadiah termasuk pingat, sijil penyertaan, piala dan wang tunai sebanyak BND150.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Mukim Kiudang.

Kejohanan Badminton di antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan HPA Kali Ke-30 ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Bandaran Tutong dan Jabatan Daerah Tutong dan dikendalikan oleh Kelab Badminton Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Acara sukan ini dihasratkan akan dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan silaturahim, kerjasama dan perpaduan warga Perkhidmatan Awam serta menggalakkan warga Perkhidmatan Awam untuk sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan aktif melalui sukan Badminton.

# Karnival Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2023 meriah

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**





**YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa bergambar ramai pada karnival bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2023 peringkat negara bertempat di Jerudong Park Garden (atas), manakala gambar kanan, antara kanak-kanak yang menyertai karnival berkenaan.**

**JERUDONG,** Ahad, 26 November. - Persatuan Pediatrik Brunei (Brunei Paediatric Society - BPS) pagi tadi mengadakan karnival bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2023 di peringkat negara bertempat di Jerudong Park Garden.

Acara dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Karnival tersebut dianjurkan bersama oleh Jabatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kira-kira 1,000 kanak-kanak bersama ibu bapa dan penjaga telah menyertai karnival yang diadakan dengan penuh warna-warni dan meriah itu.

Kanak-kanak berkeperluan khas dan berkelainan upaya daripada Pusat Perkembangan Kanak-kanak dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga tidak ketinggalan untuk sama-sama menghadiri karnival yang sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu 'Kemasukan, Untuk Setiap Kanak-Kanak' (Inclusion, For Every Child).

Pelbagai aktiviti telah disediakan sepanjang karnival berlangsung termasuk Larian Berhalangan, Permainan Belon, Bouncer, Acara Boling dan sebagainya.

Vendor-vendor penjual makanan dan barangan lain juga turut disediakan bagi memeriahkan lagi suasana karnival.

Sejak 14 Disember 1954, Hari Kanak-kanak Sedunia telah diraikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 20 November setiap tahun dengan tujuan untuk menggalakkan kerjasama di tahap antarabangsa dalam melindungi hak kanak-kanak dan mengutamakan kebajikan kanak-kanak di seluruh dunia.